



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 02 APRIL 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 5, 10 HINGGA 75)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN NOGEH ANAK GUMBAK

TARIKH: 2 APRIL 2014

SOALAN:

**Tuan Nogeh anak Gumbek [ Mas Gading ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan campur tangan supaya pekerja tempatan bergaji hari diserap untuk gaji bulanan minimum RM 800 dalam sektor perladangan terutamanya dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs)

PR-1321-L60032

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kadar gaji minimum yang ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum 2011 adalah berdasarkan bulanan dan mengikut jam sahaja. Namun atas dasar *tripartite* dan bagi menjamin hak pekerja yang bergaji hari seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menetapkan kadar gaji harian dalam Garis

Panduan untuk dijadikan panduan kepada majikan atau pekerja dalam memastikan pelaksanaan gaji minimum berjalan lancar.

2. Pada masa sekarang pihak MPGN sedang dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Sehubungan dengan itu, pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, akan dipanjangkan kepada pihak MPGN bagi diperhalusi dan diteliti dalam proses semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI  
[CHERAS]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada satu rang undang-undang diskriminasi 'disabiliti' akan digubal bagi mempromosikan dan melindungi hak golongan yang berupa OKU. Jika tidak, mengapa. Nyatakan jumlah aduan daripada OKU sejak 3 tahun lepas untuk layanan yang sama rata dan akses pada pekerjaan, perumahan, pengangkutan dan di bidang perkhidmatan swasta dan kerajaan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam memperjuangkan dan melindungi hak dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam semua aspek kehidupan agar mereka dapat menjalani kehidupan bermaruah dan inklusif dalam masyarakat, sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Dari segi perundangan, kerajaan telah menggubal Akta OKU 2008 [*Akta 685*] bagi memastikan hak, kepentingan dan kesejahteraan golongan OKU sentiasa terpelihara. Akta ini yang mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008 merupakan satu akta yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini menjadi asas dalam membantu OKU menjalani kehidupan yang lebih sempurna dalam arus perdana masyarakat serta bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negara.

Secara amnya, Akta OKU 2008 telah digubal dengan mengambil kira keperluan-keperluan di bawah Konvensyen Mengenai Hak OKU yang telah diratifikasi oleh negara pada 19 Julai 2010.

Konvensyen ini merupakan konvensyen hak asasi manusia komprehensif yang pertama dalam milenium ini yang membolehkan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat, sama seperti anggota masyarakat yang lain. Selaku negara pihak, Malaysia bertanggungjawab untuk melaksanakan komitmen dan obligasi di bawah Konvensyen ini. Ini termasuk aspek-aspek kehidupan seperti aksesibiliti, mobiliti, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, pemulihan, kesamarataan, penyertaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosiobudaya serta tiada diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain Akta OKU 2008 dan Konvensyen Mengenai Hak OKU, kerajaan juga telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan OKU yang bertujuan memberi kesaksamaan hak dan peluang, di samping menghapuskan diskriminasi terhadap OKU bagi membolehkan penyertaan penuh dan

efektif mereka dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan OKU hidup berdikari.

Berdasarkan huraian yang diberikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berpandangan bahawa pada masa ini tiada keperluan untuk menggubal akta khusus mengenai diskriminasi terhadap OKU memandangkan isu diskriminasi tersebut telah pun diambil kira dalam perundangan negara sedia ada.

Selain itu, Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan bahawa "semua orang" adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang tanpa sebarang diskriminasi. "Semua orang" dalam konteks ini adalah termasuk golongan OKU. Sehubungan itu, hak dan kebebasan ini telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dalam konteksnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai jumlah aduan yang diterima daripada OKU sejak 3 tahun yang lepas, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan laporan yang diterima oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Talian Nur 15999, secara keseluruhannya sebanyak 822 aduan telah diterima yang melibatkan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kementerian dan juga agensi di bawahnya bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2013. Berdasarkan laporan, kebanyakan aduan yang diterima oleh pihak Kementerian melalui Talian Nur tersebut adalah berkenaan pendaftaran OKU, kemudahan dan juga perkhidmatan institusi untuk OKU seperti Bengkel Terlindung dan juga Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Laporan terperinci mengenai aduan yang diterima melalui Talian Nur 15999 akan dikemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

## LAMPIRAN

**JUMLAH KES BERKAITAN OKU YANG DIRUJUK KE JABATAN  
PEMBANGUNAN OKU, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
(JPOKU, JKM)  
(1 JANUARI 2011 – 31 DISEMBER 2013)**

<b>AGENSI YANG DIRUJUK</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>SUB-KATEGORI</b>	<b>JUMLAH</b>
JPOKU, JKM	Aduan	Program	3
		Pendaftaran OKU	121
		Perkhidmatan	4
		Pelbagai	1
	Lain-lain	Pelbagai	1
<b>JUMLAH:</b>			<b>130</b>

Sumber: Talian Nur 15999, Bahagian Pengurusan Maklumat,  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]**  
**TARIKH** : **2.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang melibatkan akhlak guru dan pelajar dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap individu yang mencederakan YB Timbalan Menteri Pendidikan di Hulu Selangor pada 11 Januari 2014 lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah pun melepasi setahun pelaksanaannya sejak dimulakan pada Januari 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan bahawa inisiatif yang disediakan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025 dengan melalui tiga (3) gelombang. Gelombang 1 PPPM iaitu tahun 2013 hingga 2015, iaitu perubahan sistem yang menyokong peranan guru dan kemenjadian murid dengan memberi tumpuan kepada kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir aras tinggi dan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Oleh kerana pelaksanaannya masih baru, banyak perkara yang perlu dilakukan oleh Kementerian terutamanya dalam usaha meningkatkan lagi kualiti guru secara keseluruhannya. KPM juga telah menyusun pelbagai program untuk

menyebarkan maklumat mengenai PPPM ini, supaya semua pihak dapat memahami dan mengambil bahagian mengikut fungsi dan peranan masing-masing. Namun begitu, sehingga kini banyak kejayaan yang telah dicapai seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan-jawapan sebelum ini dan satu laporan tahunan pencapaian PPPM akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Menyentuh mengenai tindakan ke atas kes yang dibangkitkan, KPM telah menerima laporan awal berhubung kes tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut masih di dalam siasatan polis dan saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut perkara ini. Sebarang tindakan lanjut akan merujuk kepada Peraturan 4(2) (d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 untuk tindakan selanjutnya.

Rjm100

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan kakitangan kerajaan yang bekerja di Jabatan Peguam Negara mengikut kategori masing-masing serta jumlah peruntukan kerajaan untuk Jabatan tersebut.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara setakat 4 Mac 2014 ialah seramai 1,816 orang dengan pecahan mengikut kategori seperti yang berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>IBU PEJABAT</b>	<b>PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI (PPUUN)</b>	<b>JUMLAH (IBU PEJABAT + PPUUN)</b>
1.	<b>PENGURUSAN TERTINGGI (JUSA)</b>			
	Pegawai Undang-Undang	40	25	65
	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	1	0	1
	Penasihat Undang-Undang Syariah AGC	1	0	1
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>42</b>	<b>25</b>	<b>67</b>

2.	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			
	Pegawai Undang-Undang	403	340	743
	Pegawai Tadbir Diplomatik, dan lain-lain	51	12	63
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>454</b>	<b>352</b>	<b>806</b>
3.	<b>KUMPULAN PELAKSANA</b> <i>(Penolong Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir, Penolong Pegawai Perpustakaan, Juru Bahasa, Penolong Juruaudit, Penolong Akauntan, Pembantu Perpustakaan, Pegawai Khidmat Pelanggan, Juruteknik Komputer, Pembantu Am Pejabat, Penghantar Notis, Polis Bantuan, Ahli Fotografi dan Pemandu).</i>	514	429	943
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>1010</b>	<b>806</b>	<b>1816</b>

2. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM197,384,000 kepada Jabatan Peguam Negara bagi tahun 2014.

3. Sebagai tambahan, jumlah kakitangan Jabatan Peguam Negara yang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Agensi (Kader) bagi tahun 2014 ialah seramai 554 orang. Walau bagaimanapun, perbelanjaan emolumen bagi kakitangan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]**  
**TARIKH : 2.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang telah menamatkan pendidikan mereka di Maktab Perguruan tetapi belum mendapat penempatan ke sekolah-sekolah Kerajaan dan perancangan Kementerian terhadap mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan Pekeliling SPP Bilangan 2 Tahun 2013, mereka dibenarkan memohon semula selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga SPP dikeluarkan melalui Portal JobsMalaysia dan perlu bersaing secara sengit dengan graduan keluaran semasa untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status kemajuan Projek Estet Padi NKEA di setiap negeri. Apakah jaminan Kerajaan pengusaha padi sedia ada tidak ditindas dan apa-apa pembaharuan dalam industri padi tidak hanya mengutamakan keuntungan syarikat pengusaha.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Projek Estet Padi NKEA dilaksanakan di bawah *Entry Point Project* (EPP) 10 dan 11 yang mana ia memfokuskan pada kawasan jelapang padi di seluruh negara. EPP 10 dilaksanakan di jelapang padi MUDA manakala EPP 11 pula di sembilan (9) kawasan jelapang yang lain iaitu di Kemubu, Kemasin, Ketara, Pulau Pinang, Kerian, Seberang Perak, Barat Laut Selangor, Batang Lupar dan Kota Belud. EPP 10 yang di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ini telah bermula pada tahun 2011 dan sehingga kini telah berjaya menyatukan 15,141 hektar tanah untuk diuruskan secara berpusat oleh MADA dengan sasaran untuk mencapai 50,000 hektar tanah pada tahun 2020. Selain itu, purata hasil pengeluaran di kawasan MADA juga telah meningkat dari 4 metrik tan sehektar kepada 6 metrik tan sehektar pada tahun 2013. Bagi EPP 11 pula, sehingga kini sebanyak 7,531 hektar tanah telah berjaya disatukan di bawah pengurusan secara berpusat ini dan telah berjaya meningkatkan purata hasil pengeluaran daripada 3 metrik tan sehektar kepada 4.5 metrik tan sehektar sepanjang 3 tahun pelaksanaan projek ini.

Di bawah EPP 10 dan 11 ini juga, Kerajaan menggalakkan penyertaan petani untuk terlibat secara langsung dalam projek ini. Antara manfaat secara langsung yang akan diterima oleh petani ialah:

- i. meningkatkan hasil dan seterusnya **menambah pendapatan** di mana hasil bersih diperoleh sepenuhnya oleh petani dengan kos yang optimum;
- ii. bayaran **insentif penyertaan program** sebanyak RM2,000 sehektar bagi setiap musim selama 5 musim;
- iii. bayaran **dividen tahunan ahli daripada PPK**;
- iv. bayaran **dividen tahunan ahli daripada SPV**; dan
- v. **bayaran upah** akan dibayar kepada petani-petani yang mendaftar untuk bekerja di bawah PPK yang mengusaha ladang.

Antara manfaat lain yang diterima oleh petani ialah mereka dapat belajar daripada penggunaan teknologi baru dan juga Amalan Pertanian Baik [*Good Agriculture Practice (GAP)*] menerusi pengurusan tanah, pengurusan air yang lebih efektif, pengurusan tanaman mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan dan juga pengurusan penyakit dan makhluk perosak dan penyakit secara bersepadu. Para petani juga berpeluang menanam padi varieti moden seperti MR219 dan MR220 dan juga peluang untuk menerokai aktiviti pertanian lain seperti penternakan lembu, kambing, ayam dan itik serta penanaman herba, jagung dan juga tanaman kontan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN : 3** *Pertanyaan YB - Kuala Selangor (2 April 2014, no. 15) - Telah dijawab bersel pada 12 Mac 2014.*

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana serius penyalahgunaan oleh rakyat negara ini terhadap kemudahan media sosial seperti Facebook dan bagaimana langkah menanganinya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan **YB Tanah Merah** pada **20 Mac 2014**, **YB Kuala Selangor** pada **2 April 2014**, **YB Kuala Kedah** pada **7 April 2014**, **YB Parit Buntar**, **YB Sekijang**, **YB Kangar**, **YB Kubang Kerian** pada **8 April 2014**, kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu isu-isu berkaitan **penyalahgunaan media sosial dan kandungan internet**.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang

### SOALAN NO: 3 (15)

melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia (AKM) 1998. Mana-mana pihak yang didapati menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik termasuklah menyiarkan perkara sensitif yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 211 dan 233.

Selain daripada AKM98, undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer dan lain-lain turut digunapakai bagi menangani perlakuan tanpa mengambil kira platform yang digunakan termasuklah media sosial.

SKMM turut mengambil langkah mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna Internet tentang kepentingan penggunaan Internet secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri menerusi kempen 'Klik Dengan Bijak' dan kempen 'Media Sosial Sihat'.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh**  
**[ Sandakan ]**  
**TARIKH** : **2.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengapa banyak kontrak perkhidmatan untuk sekolah-sekolah di Sabah yang diberi kepada syarikat-syarikat atau individu-individu yang berasal dari luar Sabah; dan
- (b) adakah rakyat Sabah begitu kurang keupayaan seperti dalam bidang kawalan keselamatan (*security guard*) dan sebagainya, sehingga pihak sekolah hanya dapat mengadu melalui telefon.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) bagi negeri Sabah dilaksanakan secara tender terbuka dan ditawarkan kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri kerana didapati hanya 0.8 peratus sahaja syarikat PKK yang berdaftar bagi negeri Sabah. Bilangan kontrak kawalan keselamatan di sekolah bagi negeri Sabah adalah melebihi bilangan syarikat yang berlesen iaitu sebanyak 160 kontrak bagi tempoh tiga tahun ke belakang (2011, 2012 dan 2013) dan

bagi tahun 2014 tiada satu pun syarikat milik rakyat Sabah berjaya mendapat kontrak ini. Justeru, tender PKK bagi Negeri Sabah ditawarkan kepada semua syarikat PKK yang berdaftar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tender Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) dan Bekalan Makanan Bermasak (BMB) Negeri Sabah, penganugerahan kepada syarikat yang berjaya hanya kepada syarikat tempatan berdasarkan lokaliti kawasan yang ditender.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Tuan William @ Nyallau anak Badak  
[ Lubok Antu ]  
**TARIKH** : 2 April 2014 (RABU)  
**SOALAN** :

Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk merakyatkan perkhidmatan awamnya sejajar dengan agenda negara “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPA sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatannya dari semasa ke semasa selaras dengan hasrat kerajaan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” melalui transformasi-transformasi di bawah Produk 1Malaysia : Transformasi SPA yang mula dilaksanakan semenjak tahun 2012. Sehingga Mac 2014, SPA telah melaksanakan sebanyak 81 inisiatif untuk merakyatkan dan menambahbaik perkhidmatannya.

Antara inisiatif yang mendekatkan SPA dengan rakyat ialah :

- i. memberi keutamaan kepada kemudahan calon-calon terutama sekali dalam memastikan calon-calon dapat menghadiri peperiksaan dan temu duga pada waktu yang dipilih oleh calon itu sendiri. Ini bagi memberi peluang kepada calon-calon yang tidak mempunyai kelapangan waktu kerana komitmen kerja untuk hadir temu duga pada waktu malam atau hujung minggu;
- ii. mengadakan Kursus Tips dan Panduan Memasuki Sektor Awam secara percuma yang dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai sektor awam. Kursus ini memberi panduan yang berguna kepada orang ramai tentang kaedah yang digunakan oleh SPA untuk melantik penjawat awam yang akan memberi peluang kepada orang ramai yang berminat untuk membuat persediaan yang lebih rapi sebelum menghadiri peperiksaan dan temu duga.;
- iii. mengadakan karnival kerjaya sebagai salah satu usaha mendekati rakyat. Karnival yang diadakan secara berperingkat di seluruh negara ini dapat membuka peluang kepada orang awam untuk mengetahui lebih dekat perkhidmatan SPA dan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam perkhidmatan awam;
- iv. mengadakan kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) dari kaum Cina dan India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi menarik minat rakyat pelbagai kaum dan masyarakat luar bandar untuk memohon dengan SPA;

- v. mengadakan taklimat kerjaya di sekolah-sekolah untuk memberi pendedahan mengenai peluang kerjaya yang boleh diceburi dalam perkhidmatan awam selepas pelajar-pelajar ini menamatkan pengajian di tingkatan 5/6 atau Institusi Pengajian Tinggi. Makluman mengenai kemudahan semasa dalam perkhidmatan dan selepas bersara turut diterangkan dalam taklimat ini.

Diharapkan dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan ini, rakyat dari pelbagai kaum dan peringkat akan lebih dekat dengan perkhidmatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci apakah rancangan kerajaan pusat untuk merancakkan industri pelancongan Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 serta berapakah jumlah peruntukan pelancongan kepada Pulau Pinang dari tahun 2004-2014.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah merancang beberapa program dan aktiviti di negeri Pulau Pinang bagi mencapai sasaran ketibaan seramai 28 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion ke dalam negara. Bagi merancakkan industri pelancongan di negeri Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan menganjurkan acara-acara khas di peringkat negeri sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Acara-acara tersebut akan mencakupi empat konsep utama iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium. Empat-empat program acara ini akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival dan akan mempamerkan budaya satu Malaysia, kepelbagaian makanan, seni serta sejarah Malaysia.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyalurkan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Pulau Pinang bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri.

Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah mempromosikan acara-acara di negeri Pulau Pinang di dalam penerbitan risalah khas iaitu *Malaysia Mega Events & Festivals 2014*. Antara acara-acara yang dipromosikan adalah:

- i. *Tropfest Southeast Asia* (25 Januari 2014);
- ii. *Penang World Music Festival* (12 hingga 13 April 2014);
- iii. *George Town World Heritage City Celebration by UNESCO* (7 Jun – 7 Julai 2014);
- iv. *Penang Durian Fair* (Bulan Jun hingga Julai 2014);
- v. *Penang Bridge International Marathon* (16 November 2014); dan
- vi. *Penang International Jazz Festival* (4 hingga 7 Disember 2014).

Selain daripada penganjuran acara-acara pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah melancarkan *1001 Packages* yang meliputi 1001 pakej pelancongan domestik yang ditawarkan kepada pelancong asing dan tempatan. Daripada 1001 pakej tersebut, sebanyak 109 pakej pelancongan adalah pakej yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan dari negeri Pulau Pinang ke tempat-tempat menarik di seluruh negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan projek-projek pembangunan pelancongan dapat dilaksanakan di negeri Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah menyalurkan peruntukan pelancongan kepada negeri Pulau Pinang. Jumlah peruntukan yang disalurkan dari tahun 2004 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>RMKe</b>	<b>Jumlah Peruntukan</b>
RMK-8 (2001-2005)	RM 31,148,506.00

RMK-9 (2006-2010)	RM 76,376,088.00
RMK-10 (2011-2015)	RM 15,507,237.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM 123,031,831.00</b>

Selain daripada penyaluran peruntukan bagi projek pembangunan fizikal, untuk tahun 2014 juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyalurkan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Pulau Pinang bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri. Acara-acara tersebut akan berasaskan kepada empat konsep utama iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad  
[ Pasir Gudang ]**

**TARIKH : 2.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisma yang digunakan untuk mengawal penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pusat-pusat tuisyen swasta berkenaan dengan sukatan dan kaedah pembelajaran serta kelayakan tenaga pengajar yang digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemeriksaan pematuhan dasar ke atas pusat tuisyen. Pemeriksaan merangkumi aspek pematuhan kepada akta dan peraturan berkaitan pendaftaran dan piawaian. Pemeriksaan dan pengawalseliaan dijalankan juga secara berkala oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, termasuk pemeriksaan berdasarkan aduan serta pemeriksaan mengejut. Sehingga 31 Januari 2014 terdapat 3,322 buah pusat tuisyen dengan 8,373 orang guru di pusat tuisyen berdaftar di seluruh negara.

Setiap pusat tuisyen hanya dibenarkan menjalankan kurikulum atau sukatan pelajaran atau kursus atau subjek yang diluluskan seperti dalam Perakuan Pendaftaran Institusi. Pusat tuisyen itu sendiri dibenarkan beroperasi atas

tujuan memberi bimbingan kepada murid yang sedia berdaftar dengan institusi pendidikan untuk mengambil peperiksaan.

KPM juga mengawal kelayakan guru yang mengajar di pusat tuisyen melalui pengeluaran permit mengajar iaitu guru perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995 untuk Permohonan Permit Mengajar bagi Guru-guru Sekolah/Institusi Pendidikan Swasta dan Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995 Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru.

Rjm97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 2 APRIL 2014 ( RABU )  
DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan kemudahan kompleks tempat letak kereta bertingkat di Kuala Perlis bagi mengatasi masalah ruang meletak kenderaan yang tidak mencukupi dan lebih efisien bagi pelancong yang ingin meletakkan kenderaan untuk ke Pulau Langkawi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan projek-projek kecil yang merangkumi skop pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Dalam hal ini, pembinaan kompleks letak kereta memerlukan perbelanjaan yang besar jika dibandingkan dengan pelaksanaan projek-projek kecil yang lain.

Setakat ini, Kementerian tidak menerima permohonan cadangan pembangunan projek kemudahan kompleks tempat letak kereta bertingkat daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Perlis. Perancangan awal boleh dibuat oleh MPK, terutamanya bagi projek-projek yang menjadi keutamaan kepada PBT untuk dilaksanakan dan Kementerian akan meneliti cadangan projek tertakluk kepada kesesuaian dan peruntukan sedia ada.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
April 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN**  
**HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**  
**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh 'distributor'.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh sesetengah pengedar (*distributor*) mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran atau mungkin juga disebabkan oleh aktiviti anti persaingan oleh para peniaga termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dalam menaikkan harga sesuatu barangan dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di seluruh rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membentaras aktiviti anti persaingan ini yang sememangnya jika tidak dibendung ternyata akan memberi kesan negatif kepada para pengguna negara, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah bertungkus lumus menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan bagi membentaras aktiviti anti persaingan oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan usaha MyCC dapat dilihat dengan keputusan penuh dan cadangan-cadangan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengeluar ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pengilang-pengilang ais ini telah bersetuju untuk menaikkan harga sebanyak RM 0.50 bagi setiap beg

tiub ais dan RM 2.50 bagi setiap blok ais. Jika pakatan sesama pengeluar ais ini tidak dibendung ianya ternyata akan memberi impak negatif kepada seluruh rangkaian permintaan produk ais dan akan memberi kesan kepada kenaikan harga makanan dan minuman.

Di samping itu, pihak MyCC juga telah menjalankan beberapa aktiviti penguatkuasaan lain terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini. Ini termasuklah keputusan penuh terhadap Cameron Highlands Floriculturists Association (CHFA) dan beberapa cadangan keputusan lain seperti MAS dan AirAsia bagi perkongsian pasaran, Megasteel Sdn. Bhd. bagi penyalahgunaan kedudukan dominan dan langkah interim terhadap beberapa syarikat lori yang membuat aktiviti penetapan harga.

Selain itu, dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan pemahaman Akta ini, MyCC turut giat menjalankan program-program advokasi secara meluas dan berterusan termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2013, MyCC telah menjalankan sebanyak 97 advokasi/sesi dialog bersama pihak industri, persatuan dan agensi Kerajaan dan program-program seumpamanya akan diteruskan lagi pada tahun 2014. Program-program advokasi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan dan penguatkuasaan Akta ini disamping mengalakkan pematuhan oleh para peniaga (*compliance*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6585**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a)bilangan serbuan ke atas mesin perjudian haram (mesin kuda) yang dijalankan di Sibu pada setiap tahun dari 2011 hingga 2014; dan
- (b)bilangan kes yang telah dibawa ke mahkamah serta bilangan kes yang dikenakan hukuman dan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk menutupkan semua kedai mesin perjudian haram di Sibu dan Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Pihak PDRM khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram dalam negara ini. Kawalan ke atas aktiviti perjudian sentiasa dipantau dengan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Cawangan D7, iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.**

**Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan bagi daerah Sibu yang dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 2014 (Januari – Februari) seperti berikut:-**

<b>JUMLAH SERBUAN MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER DAERAH SIBU</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>SERBUAN</b>	<b>TANGKAPAN</b>	<b>RAMPASAN</b>
2011	1	1	1
2012	96	152	301
2013	632	219	285
2014 (1 JAN – 26 FEB 2014)	46	74	142

Bagi menjawab soalan (b), jumlah mereka yang didakwa di Mahkamah atas kesalahan perjudian seperti berikut:-

<b>JUMLAH PENDAKWAAN MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER DAERAH SIBU</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>TUDUH</b>	<b>NFA</b>	<b>DALAM SIASATAN</b>
2011	-	-	1
2012	1	4	1
2013	-	6	39
2014 (1 JAN – 26 FEB 2014)	-	-	9

Antara langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan ialah:-

- i) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.
- ii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953.
- iii) Mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram.
- iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta kerajaan tempatan

**dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.**

- v) Sekiranya ada sebarang maklumat berkaitan penglibatan pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang lain, tindakan akan diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk mendakwa di mahkamah.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]**  
**TARIKH** : **2.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menetapkan bentuk hukuman denda yang boleh diambil oleh guru terhadap pelajar yang melanggar disiplin di sekolah bagi membolehkan guru-guru menjalankan amanah dan tanggungjawab mereka dengan sempurna tanpa campur tangan pihak luar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengambil berat berhubung isu denda dan disiplin di sekolah. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 telah memperuntukan bahawa guru besar/pengetua bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang boleh menjadi sebagai pencegah kepada murid-murid lain

Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa pihak KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berhubung pelaksanaan disiplin sebagai langkah awal dan peringatan dalam menangani isu disiplin. Antaranya *SPI Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman*; dikeluarkan kepada pihak Jabatan

Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan khususnya di peringkat sekolah.

Di samping itu, beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas seperti *SPI Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah* dan *SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid*, dikeluarkan bagi menyokong dan memastikan pengurusan disiplin di sekolah dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Rjm98

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6586**

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan bilangan pendatang tanpa izin ditahan dalam tempoh 10 tahun terakhir dengan memberi pecahan kepada kewarganegaraan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan daripada tahun 2003 hingga 2013 adalah seramai 489,731 orang iaitu dengan pecahan berikut:-**

- i) 42,891 orang pada tahun 2003,**
- ii) 23,571 orang pada tahun 2004,**
- iii) 28,079 orang pada tahun 2005,**
- iv) 56,315 orang pada tahun 2006,**
- v) 58,882 orang pada tahun 2007,**
- vi) 73,100 orang pada tahun 2008,**
- vii) 47,872 orang pada tahun 2009,**
- viii) 34,905 orang pada tahun 2010,**
- ix) 37,828 orang pada tahun 2011,**
- x) 39,939 orang pada tahun 2012; dan**
- xi) 46,349 orang pada tahun 2013.**

**Jumlah pecahan mengikut kewarganegaraan lima negara tertinggi pula seperti berikut:-**

- i) Indonesia seramai 222,091 orang;**
- ii) Filipina seramai 66,217 orang;**
- iii) Bangladesh seramai 39,860 orang;**
- iv) Myanmar seramai 45,760 orang; dan**
- v) India 20,469 orang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO' OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang untuk menghalang parti-parti politik dan ahli-ahli Parlimen serta ADUN daripada meletakkan jawatan sewenang-wenangnya menurut agenda tersendiri dan bukan untuk kepentingan rakyat jelata kerana pilihan raya kecil yang diakibatkan oleh tindakan tersebut memakan belanja yang tinggi dan membazirkan wang pembayar cukai.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan sewenang-wenangnya menurut agenda tersendiri dan bukan untuk kepentingan rakyat jelata, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk

bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Kerajaan menyedari terdapat mereka yang sengaja mengambil kesempatan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam usaha mereka untuk mencapai cita-cita yang tertentu walaupun usaha tersebut melibatkan perbelanjaan kewangan yang agak besar. Namun begitu, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan bagi menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletakkan jawatan sewenang-wenangnya. Selain itu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[JELUTONG]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang skim perumahan PR1MA di mana terdapat sebanyak 20,000 unit di Pulau Pinang sepertimana yang diumumkan pada tahun 2013. Di manakah lokasi, jadual pembangunan serta status kemajuan terkini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan rumah bagi setiap kelompok rakyat. Menyedari hakikat ini, pelbagai program telah diwujudkan Kerajaan bagi memastikan rakyat dari pelbagai golongan dapat merasai faedah memiliki rumah sendiri. PR1MA merupakan salah satu program yang dicetuskan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar serta pinggir bandar. Kerajaan peka akan isu yang dialami golongan ini di mana kos sara hidup dan harga rumah semakin meningkat.

PR1MA diwujudkan untuk menyediakan perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti khusus untuk golongan berpendapatan sederhana. Rumah-rumah PR1MA dibina di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggir bandar di seluruh Malaysia. Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM 7,500. Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

Jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 unit rumah PR1MA di seluruh Malaysia dalam tempoh lima tahun sudah pun bermula. Bagi

negeri Pulau Pinang, PR1MA sedang mengenalpasti, menganalisa dan mempertimbangkan beberapa kawasan untuk pembangunan PR1MA. Kini PR1MA sedang berbincang dengan pihak pemaju swasta serta dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan kelulusan pembangunan dan pembinaan. PR1MA mengalu-alukan kerjasama dan cadangan dari pihak Kerajaan Negeri serta pemaju swasta sekiranya mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian di Pulau Pinang. PR1MA juga akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa untuk mencapai kata sepakat di dalam mengadakan pembangunan PR1MA di Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG**  
**KAWASAN : SEGAMBUT**  
**TARIKH : 2 APRIL 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan ganti rugi RM400 juta yang perlu dibayar kepada syarikat-syarikat konsesi tol, susulan keputusan Kerajaan tidak menaikkan kadar tol tahun ini, mengikut nama syarikat dan jumlah dibayar, bagaimana Kerajaan mendapat peruntukan untuk membiayainya dan cara pengiraan ganti rugi itu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan kenaikan tol di 14 lebuhraya pada tahun 2014. Berikutan daripada itu, Kerajaan perlu membayar pampasan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Pecahan bayaran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
1	E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	32
2	E35: Lebuhraya Shah Alam – Kuang (GCE)	23
3	E11: Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	89
4	E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	22
5	E18: Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	22
6	E21 Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	13
7	E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	9
8	E23: Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	72

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
9	E26: Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	5
10	E38: Terowong SMART	19
11	E33: Lebuhraya Duta - Ulu Kelang (DUKE)	25
12	E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	27
13	E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	30
14	E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>400</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan bagi tujuan pembayaran pampasan ini telah disediakan melalui peruntukan belanjawan mengurus kementerian ini.

Bayaran pampasan ini dibuat berdasarkan kepada formula pengiraan pampasan yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi masing-masing. Jumlah sebenar akan ditentukan selepas proses verifikasi trafik yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ KUANTAN ]**

**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 28**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha bagi mempertingkatkan prestasi dan kecekapan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terutamanya dalam isu pewartaan tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia di samping menjaga kepentingan komuniti tersebut secara menyeluruh.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan dengan pendekatan utamanya menangani keperluan masyarakat Orang Asli melalui pelaksanaan program secara bersepadu. Keberkesanan pelaksanaan program dan prestasi penyampaian diukur dan dipantau sepanjang masa, melalui enam (6) Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) yang telah ditetapkan merangkumi aspek Pengurusan Tanah, Peningkatan Pendapatan, Kemudahan Perumahan, Bekalan Air Bersih, Peningkatan Pendidikan dan Peningkatan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

Berhubung dengan pewartaan tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, secara umumnya tidak ada undang-undang bertulis dan berkuatkuasa yang mengiktiraf mana-mana tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Tanggungjawab Kementerian ini menerusi JAKOA adalah lebih tertumpu kepada usaha-

usaha mempermudah segala urusan berkaitan permohonan tanah kepada Kerajaan Negeri yang berkaitan, khususnya permohonan pewartaan tanah bagi kawasan penempatan Orang Asli, sebagaimana yang terkandung dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah mengukur persempadanan penempatan Orang Asli bagi tanah-tanah warta untuk penyediaan Pelan Akui (PA) dan juga mengukur sempadan bagi tanah-tanah yang diduduki untuk dipanjangkan permohonan kelulusan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Usaha-usaha yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk melindungi hak ke atas tanah Orang Asli melalui pewartaan tanah, pembangunan ekonomi menerusi projek pembangunan tanah berkelompok di samping melindungi tanah-tanah Orang Asli daripada isu-isu yang tidak diingini seperti pencerobohan tanah dan sebagainya.

Berdasarkan rekod JAKOA sehingga 31 Disember 2012, jumlah keseluruhan tanah Orang Asli yang telah diwartakan di bawah seksyen 6 dan seksyen 7 Akta 134 adalah seluas 23,903.84 hektar. Manakala 3,898.31 hektar lagi diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah

Negara (KTN) dan sejumlah 1,489.70 hektar adalah merupakan hak milik individu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian kini sedang dalam peringkat mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan bagi menyelesaikan isu-isu semasa berhubung dengan tanah termasuk isu tanah adat masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]**  
**TARIKH : 2.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menaiktarafkan kemudahan pembelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan, kemudahan pembelajaran yang lengkap dan sempurna di sekolah merupakan antara faktor menyumbang kepada penyediaan peluang yang lebih baik untuk murid belajar. Dalam konteks ini, Kementerian memberi keluwesan yang cukup untuk menyesuaikan kemudahan dan peralatan dengan keperluan setempat terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Antara usaha yang telah diambil adalah:

- a. Memastikan semua sekolah mempunyai tahap infrastruktur minimum yang boleh diterima, disesuaikan dengan keperluan sekolah tersebut secara berkesan kos;
- b. Melakukan penyelenggaraan segera bagi sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan;

- c. Sentiasa menaik taraf kemudahan pembelajaran dan peralatan di semua sekolah bagi menyokong keperluan pembelajaran murid yang akan berubah mengikut masa.

Bagi pelaksanaan tahun 2014, sebanyak 24 buah projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah di Sabah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan*. Di bawah RMKe-10, sehingga kini, sebanyak 715 projek-projek pembangunan fizikal institusi pelajaran di Sabah telah disiapkan manakala sebanyak 155 buah projek pula sedang dalam pembinaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching[Kulai]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian Komunikasi dan Multimedia ada menuntut balik bayaran yang terlebih bayar kepada Telekom untuk MERS 999, seperti yang dicadangkan oleh Laporan Ketua Audit Negara 2012.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menerima bayaran balik sejumlah RM6,756,295.15 termasuk lapan peratus (8%) kos faedah dibawah Projek Malaysia Emergency Response Services (MERS) 999 daripada Telekom Malaysia™ pada 1 November 2013 seperti yang dilaporkan dalam LKAN 2012 berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Khas pada 23 Oktober 2013.

Bagaimanapun KKMM sedang dalam peringkat menjalankan penyiasatan terhadap isu-isu MERS 999 yang lain yang juga terlibat termasuk tuntutan bayaran lebih oleh TM.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB ANUAR BIN ABD MANAP  
(SEKIJANG)**

**TARIKH : 02.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) apakah bentuk persiapan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menghadapi bencana di dalam Negara seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh dan lain-lain; dan**
  
- (b) berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh pihak ATM bagi menghadapi banjir dalam Negara pada penghujung tahun 2013**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai salah satu Agensi Penyelamat dalam pengendalian bencana negara, sentiasa membuat persiapan dan bersiapsiaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejadian bencana. Dengan segala aset dan kelengkapan peralatan yang dimilikinya, ATM berkeupayaan untuk menghadapi dan menangani apa jua keadaan bencana yang diarahkan oleh agensi peneraju utama pengurusan bencana negara iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, ATM mempunyai pengalaman yang luas dalam menghadapi bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan bangunan runtuh.**

**Bagi memastikan kesiapsiagaan berada di tahap tertinggi, ATM sentiasa melatih dan menghantar para pegawai serta anggotanya menghadiri seminar, bengkel, kursus dan eksekutif pengendalian bencana di dalam dan luar negara. Di samping itu, ATM juga sentiasa mengemaskini Perintah Tetap Operasi bagi**

menghadapi sesuatu keadaan bencana agar ianya dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif.

Bagi pengoperasian ATM dalam membantu kawasan yang terjejas dengan banjir, anggaran kos sehingga penghujung 2013 adalah sebanyak **RM 1.1 juta**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI  
BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**TARIKH : 02.04. 2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) Mengenai status 2 buah kapal latihan yang dibina oleh NGV Tech di Banting, Selangor, yang menelan belanja RM943 juta. Sudahkah dua kapal latihan (*training ship*) ini siap memandangkan isteri Perdana Menteri sekarang dan isteri bekas Perdana Menteri yang menerajui negara Malaysia selama 22 tahun telahpun melancarkan dua buah kapal ini; dan
- (b) Mengapakah limbungan kapal ini sekarang berada dalam '*receivership*' dan apa tindakan yang diambil ke atas *non performance of contracts*'.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Nilai kontrak pembinaan 2 buah kapal latihan yang dibina oleh Syarikat NGV Tech (NGVT) adalah berjumlah RM294 juta dan bukannya RM943 juta. Pembinaan kapal ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan kerana syarikat dalam proses penggulungan. Justeru itu, Kementerian telah menamatkan kontrak syarikat berkenaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan Pegawai Penerangan Pelancongan bagi setiap kawasan Parlimen dan jika tiada, nyatakan bagaimanakah penerangan yang berkesan dapat disampaikan kepada pelancong-pelancong yang datang.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak berhasrat untuk mengadakan Pegawai Penerangan Pelancongan bagi setiap kawasan Parlimen. Perjawatan yang ada sekarang sudah memadai. Untuk makluman, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) mempunyai 14 buah pejabat di seluruh negara, sebuah Pusat Penerangan Pelancongan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur; manakala Tourism Malaysia sebuah agensi di bawah KPK mempunyai 14 buah pejabat negeri, 24 buah Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh negara dan 43 pejabat perwakilan di seluruh dunia memainkan perana penting dalam memberi penerangan dan penjelasan berhubung industri pelancongan Malaysia. Pelancong-pelancong juga boleh menghubungi talian bebas tol 1300-88-5050, akses laman web [www.tourismmalaysia.gov.my](http://www.tourismmalaysia.gov.my), [www.vmy2014.com](http://www.vmy2014.com), [www.info@motac.gov.my](mailto:www.info@motac.gov.my), laman media sosial facebook Cuti-cuti 1Malaysia dan twitter untuk mendapatkan maklumat pelancongan. Tambahan lagi program-program promosi yang dijalankan di dalam dan luar negeri serta promosi / iklan / kempen melalui media elektronik, cetak, edaran brosur, media sosial dan lain-lain lagi telah membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Noraini binti Ahmad  
[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 34**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pencapaian-pencapaian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan bilangan usahawan-usahawan wanita yang telah berjaya membina perniagaan mereka di bawah bimbingan RTC sejak penubuhannya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan pencapaian RTC pada tahun 2013, sebanyak 191 kursus/seminar telah diadakan di RTC yang memberi manfaat kepada hampir 5,030 peserta. Peserta telah mendapat faedah melalui penyertaan di dalam kursus/seminar antaranya seperti '*Waste to Wealth*', Pertanian Organik, Kursus Kek dan Pastri, Kursus Keusahawanan dan Kursus Pengendalian Jentera Berat.

Dalam tempoh yang sama juga, pelaksanaan ladang kontrak di bawah Inisiatif 3 misalnya berjaya menjana pendapatan kepada hampir 513 penduduk di kawasan RTC dengan nilai jualan melebihi RM41.76 juta yang melibatkan 869 hektar tanah. Pelaksanaan inisiatif ke-4 RTC iaitu Pemprosesan Produk Agro Makanan telah membantu 1,291 usahawan daripada segi latihan, konsultasi, pembungkusan dan promosi produk-produk mereka yang turut membantu memberi nilai tambah dan meningkatkan pendapatan usahawan.

Pelaksanaan Inisiatif Ke-7, Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia juga telah membantu 243 syarikat tempatan mendapat persijilan "Mesti" (Makanan Selamat, Tanggungjawab Industri) daripada Kementerian Kesihatan. Seramai 12,625 komuniti luar bandar juga telah mendapat perkhidmatan kesihatan daripada Klinik 1Malaysia dan Klinik bergerak yang disediakan di RTC.

Merujuk kepada bilangan usahawan wanita di RTC, sehingga kini, seramai 374 orang usahawan wanita telah dibantu dalam perniagaan dan mendapat manfaat daripada penubuhan RTC.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik bilangan pelancong dalam dan luar Malaysia bagi setiap negeri berdasarkan negeri dan negara asal pada tahun 2004 hingga 2013. Nyatakan pendapatan diperolehi dari industri pelancongan di setiap negeri.

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia hanya mempunyai statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengenai ketibaan pelancong domestik mengikut negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 seperti jadual berikut :-

<b>Pelancong Domestik ( Juta Orang)</b>					
<b>Negeri</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
Kuala Lumpur	6.1	9.7	14.0	13.4	12.5
Pahang	4.1	6.4	8.1	7.1	7.7
Penang	4.3	4.0	6.3	9.6	7.6
Sabah	6.2	4.8	10.8	14.7	17.3
Johor	5.6	6.8	14.6	9.7	9.5
Melaka	2.3	3.4	4.3	7.5	8.4
Sarawak	6.9	8.5	7.7	8.9	10.6
Kedah	3.6	5.8	6.6	9.8	8.4
Selangor	3.6	6.2	13.3	15.7	17.9
Perak	3.8	6.1	10.1	9.1	13.0
Negeri Sembilan	2.5	4.0	4.2	7.0	8.4
Terengganu	1.8	2.4	4.1	7.1	7.9
Kelantan	3.5	5.6	9.6	9.2	10.3
Labuan	0.1	0.1	0.4	0.3	0.2
Putrajaya	0.2	0.3	0.5	0.5	0.7

Namun, Jabatan Perangkaan Malaysia tidak menyediakan jumlah pendapatan pelancongan yang diperolehi oleh setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

**Bagi ketibaan pelancong asing dan jumlah pendapatan** yang diperolehi dari tahun 2004 hingga 2013 adalah seperti yang berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pelancong</b>	<b>Jumlah Pendapatan</b>
2004	15.70 juta	RM 29.65 bilion
2005	16.43 juta	RM 31.95 bilion
2006	17.54 juta	RM 36.27 bilion
2007	20.97 juta	RM 46.09 bilion
2008	22.05 juta	RM 49.56 bilion
2009	23.65 juta	RM 53.37 bilion
2010	24.6 juta	RM 56.49 bilion
2011	24.7 juta	RM 58.33 bilion
2012	25 juta	RM 60.56 bilion
2013	25.7 juta	RM 65.44 bilion

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG]  
**TARIKH** : 2 APRIL 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) usaha dan keberkesanan memerangi orang tengah dalam usaha menjadi kepentingan petani, penternak dan nelayan; dan
  - (b) apakah Kementerian mempunyai cadangan atau perancangan melibatkan GLC Kerajaan dalam mengeluarkan makanan secara besaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantaian nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantaian nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini adalah perlu Kerajaan mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;
- memendekkan rantaian nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;
- meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusniaga belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disediakan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK.;
- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
  - pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;

- pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan “Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja” dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
- dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
- Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
- penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
- dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;
- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan

- Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
  - (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 18 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

Berhubung dengan keberkesanan program jihad orang tengah ini, walaupun inisiatif masih baru dilancarkan namun impaknya telah mula dirasai. Bagi subsektor padi, para petani telah mendapat faedah berikutan penyelarasan harga padi dan sebagai contoh, musim tuaian pertama bagi pesawah di Rompin dan di Pasir Puteh, mereka telah menghantar padi untuk proses melalui PPK. Bagi subsektor perikanan, NEKMAT dan Persatuan Nelayan membeli terus hasil tangkapan daripada nelayan dan menjualnya di pasar-pasar tani kendalian FAMA. Sehingga ini sebanyak 258 daripada sejumlah 517 pasar tani di seluruh Negara telah disertai oleh NEKMAT dan Persatuan Nelayan.

Berhubung dengan penglibatan GLC dalam pengeluaran makanan secara besar-besaran. Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Khazanah Nasional, Tabung Haji dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada 23 Januari 2014, bagi mendapatkan penglibatan mereka didalam pengeluaran dan pengedaran produk Agromakanan, perbincangan dengan GLC yang seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan Sime Darby akan diaturkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan jumlah rakyat yang membayar cukai dari tahun 2008 ke 2013.

Senaraikan bilangan rakyat dari segi jumlah pendapatan bulanan tidak termasuk bonus, iaitu:

kurang daripada RM3000, RM3001-RM5000, RM5001-RM8000, RM8001-RM10,000 dan

RM10,000 ke atas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan individu dikenakan cukai

pendapatan dari tahun taksiran 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut:

<b>Tahun taksiran</b>	<b>Bilangan individu dikenakan cukai pendapatan</b>
2008	1,780,268 orang
2009	1,740,744 orang
2010	1,839,783 orang
2011	2,011,051 orang
2012	1,998,225 orang

2. Mengenai maklumat bilangan pembayar cukai bagi tahun taksiran 2013, ia masih belum boleh dibekalkan kerana maklumat tersebut adalah berdasarkan maklumat dalam borang nyata cukai pendapatan yang hanya akan dikemukakan oleh pembayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) selewat-lewatnya pada 30 April 2014 bagi individu berpendapatan penggajian dan 30 Jun 2014 bagi individu yang mempunyai pendapatan dari sumber perniagaan.

3. Bilangan pembayar cukai individu yang dikenakan cukai mengikut pendapatan bulanan dari tahun taksiran 2008 adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan Bulanan*</b>	<b>Bilangan orang</b>				
	<b>Tahun Taksiran 2008</b>	<b>Tahun Taksiran 2009</b>	<b>Tahun Taksiran 2010</b>	<b>Tahun Taksiran 2011</b>	<b>Tahun Taksiran 2012</b>
<b>Tidak melebihi RM3,000</b>	373,108	298,298	268,757	232,023	187,085

- ii. Mengurangkan perbelanjaan Sektor Awam seperti dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam;
- iii. Projek 1MTC memberi peluang kepada orang ramai dan pihak swasta menggunakan fasiliti yang telah dibina oleh Kerajaan, dan ini membolehkan Institut Latihan Awam digunakan secara optima;
- iv. Melalui portal 1MTC, orang ramai dapat mengetahui dengan lebih cepat dan tepat maklumat fasiliti dan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam dan seterusnya membuat tempahan;
- v. Dengan adanya satu repositori yang mengumpulkan semua maklumat berkenaan kursus dan fasiliti yang ada di Institut Latihan Awam dapat membantu Kerajaan dalam membuat keputusan strategik berkaitan Institut Latihan Awam; dan
- vi. Agensi-agensi Kerajaan mendapat penjimatan dengan penggunaan kemudahan di Institut Latihan Awam berbanding swasta. Ini sekaligus dapat mengoptimalkan perkongsian sumber dan kemudahan yang ada di semua Institut Latihan Awam.

Akhir sekali, Kerajaan menyeru supaya orang ramai menggunakan Portal 1MTC sebagai pusat setempat maklumat carian, dan tempahan fasiliti serta kursus yang berkesan. Dalam masa yang sama, projek perkongsian sumber ini akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi

mengoptimalkan penggunaan fasiliti-fasiliti yang telah dibangunkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6584**

**SOALAN:**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai jadual statistik terperinci kes jenayah keganasan dan harta benda dengan perinci seperti kes rogol, bunuh, ragut dan sebagainya yang berlaku di Johor menurut 13 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dari tahun 2008 hingga 2014.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis mengkategorikan statistik jenayah kepada dua bahagian iaitu jenayah bukan indeks (*Non Index Crime*) dan jenayah indeks (*Index Crime*). Bagi statistik jenayah indeks pula ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:**

- i) Jenayah Kekerasan:- melibatkan bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, mencederakan;**
- ii) Jenayah Hartabenda:- melibatkan kes curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut, dan pecah rumah & curi.**

**Statistik jenayah indeks bagi Kontinjen Johor mengikut daerah Polis bagi tahun 2008 sehingga 2014 (Januari) seperti berikut:-**

## JENAYAH INDEK KONTINJEN JOHOR :

**Mengikut Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2008 Hingga 31/12/2008**

KESALAHAN	BATU PAHAT	J/BAHRU SELATAN	J/BAHRU UTARA	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAIJAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSAJAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>														
BUNUH	11	17	10	4	8	8	-	-	11	6	5	7	11	<b>98</b>
ROGOL	52	71	58	48	56	37	-	6	63	30	40	27	83	<b>571</b>
SAMUN BERKAWAN BERS/API	2	3	2	-	2	-	-	-	1	-	-	-	2	<b>12</b>
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	217	1,080	644	155	183	206	-	10	200	303	76	70	655	<b>3,799</b>
SAMUN BERSENJATAPI	-	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	<b>4</b>
SAMUN TANPA S/API	51	128	113	25	22	21	-	6	58	43	39	76	79	<b>661</b>
MENCEDERAKAN	57	144	111	29	59	33	-	31	94	64	28	44	126	<b>820</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>390</b>	<b>1,447</b>	<b>938</b>	<b>261</b>	<b>330</b>	<b>305</b>	<b>-</b>	<b>53</b>	<b>427</b>	<b>446</b>	<b>188</b>	<b>224</b>	<b>956</b>	<b>5,965</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>														
CURI	246	1,071	529	151	189	178	-	94	325	280	84	199	627	<b>3,973</b>
CURI MOTOKAR	81	584	351	43	16	81	-	3	42	114	14	24	392	<b>1,745</b>
CURI MOTOSIKAL	695	2,693	1,841	732	346	542	-	61	1,019	543	336	327	1,692	<b>10,827</b>
CURI VAN/LORI/J'BERAT	44	140	150	50	12	57	-	4	18	59	17	33	175	<b>759</b>
CURI RAGUT	3	2	2	2	-	-	-	-	-	-	3	3	-	<b>15</b>
PRC	304	690	521	123	220	152	-	77	254	256	69	87	587	<b>3,340</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,373</b>	<b>5,180</b>	<b>3,394</b>	<b>1,101</b>	<b>783</b>	<b>1,010</b>	<b>-</b>	<b>239</b>	<b>1,658</b>	<b>1,252</b>	<b>523</b>	<b>673</b>	<b>3,473</b>	<b>20,659</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>1,763</b>	<b>6,627</b>	<b>4,332</b>	<b>1,362</b>	<b>1,113</b>	<b>1,315</b>	<b>-</b>	<b>292</b>	<b>2,085</b>	<b>1,698</b>	<b>711</b>	<b>897</b>	<b>4,429</b>	<b>26,624</b>

## Mengikuti Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2009 Hingga 31/12/2009

KESALAHAN	BATU PAHAT	J/BAHRU SELATAN	J/BAHRU UTARA	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAJAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSAJAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>														
BUNUH	7	12	9	5	4	3	-	1	4	9	4	4	12	74
ROGOL	46	82	47	64	81	38	15	20	49	42	51	27	94	656
SAMUN BERKAWAN BERS/API	11	18	13	8	8	7	-	-	6	-	-	-	16	87
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	196	1,452	923	168	187	293	47	19	205	400	66	116	956	5,028
SAMUN BERSENJATAPI	2	2	2	1	-	1	-	-	3	-	-	-	-	11
SAMUN TANPA S/API	75	355	294	45	48	56	37	21	122	56	47	53	165	1,374
MENCEDERAKAN	104	105	101	107	103	29	61	41	103	108	107	73	102	1,144
<b>JUMLAH</b>	<b>441</b>	<b>2,026</b>	<b>1,389</b>	<b>398</b>	<b>431</b>	<b>427</b>	<b>160</b>	<b>102</b>	<b>492</b>	<b>615</b>	<b>275</b>	<b>273</b>	<b>1,345</b>	<b>8,374</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>														
CURI	271	761	686	222	244	311	104	51	308	314	121	227	591	4,211
CURI MOTOKAR	130	441	310	65	21	68	12	3	71	160	36	34	404	1,755
CURI MOTOSIKAL	793	1,527	1,124	852	288	520	126	96	720	544	278	331	1,626	8,825
CURI VAN/LORI/J'BERAT	27	138	129	42	9	30	5	3	19	55	12	10	133	612
CURI RAGUT	7	-	4	15	-	12	6	7	14	7	11	12	4	99
PRC	430	521	473	58	245	220	55	61	243	299	88	136	562	3,391
<b>JUMLAH</b>	<b>1,658</b>	<b>3,388</b>	<b>2,726</b>	<b>1,254</b>	<b>807</b>	<b>1,161</b>	<b>308</b>	<b>221</b>	<b>1,375</b>	<b>1,379</b>	<b>546</b>	<b>750</b>	<b>3,320</b>	<b>18,893</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>2,099</b>	<b>5,414</b>	<b>4,115</b>	<b>1,652</b>	<b>1,238</b>	<b>1,588</b>	<b>468</b>	<b>323</b>	<b>1,867</b>	<b>1,994</b>	<b>821</b>	<b>1,023</b>	<b>4,665</b>	<b>27,267</b>

## Mengikuti Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2010 Hingga 31/12/2010

KESALAHAN	BATU PAHA T	J/BAH RU SELAT	J/BAH RU SELAT	J/BAH RU SELAT	UTARA	KLUA NG	KOTA TING GI	KULAI JAYA	LEDA NG	MERS ING	MUA R	NUSA JAYA	PONTI AN	SEGA MAT	SERI ALAM	Jumlah
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>																
BUNUH	5	15	7	1	5	5	-	-	3	6	1	3	7	58		
ROGOL SAMUN BERKAWAN BERS/API	68	95	41	42	63	30	40	8	36	49	41	32	74	619		
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	5	34	29	-	1	28	2	-	-	10	3	1	29	142		
SAMUN BERSENJATAPI SAMUN TANPA S/API	152	771	703	112	117	97	53	20	108	158	25	68	329	2,713		
SAMUN BERSENJATAPI SAMUN TANPA S/API	-	10	3	1	1	-	-	-	-	-	-	-	8	23		
MENCEDERAKAN	43	190	200	36	12	15	19	4	28	22	11	19	49	648		
MENCEDERAKAN	68	258	130	59	87	56	32	7	46	77	43	52	111	1,026		
<b>JUMLAH JENAYAH HARTABENDA :</b>	<b>341</b>	<b>1,373</b>	<b>1,113</b>	<b>251</b>	<b>286</b>	<b>231</b>	<b>146</b>	<b>39</b>	<b>221</b>	<b>322</b>	<b>124</b>	<b>175</b>	<b>607</b>	<b>5,229</b>		
CURI	378	1,228	721	188	202	392	118	29	188	220	94	150	448	4,356		
CURI MOTOKAR	78	502	306	68	17	86	9	1	26	177	27	31	339	1,667		
CURI MOTOSIKAL	722	1,759	864	755	269	346	170	86	431	453	218	237	1,502	7,812		
CURI VAN/LORI/J'BERAT	33	106	85	33	9	29	8	-	11	49	5	18	152	538		
CURI RAGUT	1	2	-	5	-	33	30	3	7	-	-	3	-	84		
PRC	163	632	638	34	113	226	57	5	181	123	12	82	475	2,741		
<b>JUMLAH JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>1,375</b>	<b>4,229</b>	<b>2,614</b>	<b>1,083</b>	<b>610</b>	<b>1,112</b>	<b>392</b>	<b>124</b>	<b>844</b>	<b>1,022</b>	<b>356</b>	<b>521</b>	<b>2,916</b>	<b>17,198</b>		
<b>JUMLAH JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>1,716</b>	<b>5,602</b>	<b>3,727</b>	<b>1,334</b>	<b>896</b>	<b>1,343</b>	<b>538</b>	<b>163</b>	<b>1,065</b>	<b>1,344</b>	<b>480</b>	<b>696</b>	<b>3,523</b>	<b>22,427</b>		

## Mengikuti Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2011 Hingga 31/12/2011

KESALAHAN	BATU PAHAT	JAJARAN RU SELATAN	JAJARAN RU UTARA	KLUAING	KOTA TINGGI	KULAI JAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSA JAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>														
BUNUH	-	15	11	6	4	14	-	1	2	6	1	4	22	<b>86</b>
ROGOL SAMUN BERKAWAN BERS/API	70	97	44	64	41	26	19	16	30	35	42	29	69	<b>582</b>
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	-	3	-	-	-	-	1	-	1	1	3	-	-	<b>9</b>
SAMUN BERSENJATAPI SAMUN TANPA S/API	112	775	508	123	74	93	42	18	45	145	25	54	434	<b>2,448</b>
MENCEDERAKAN	58	180	126	72	55	21	38	10	46	72	33	64	87	<b>862</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>276</b>	<b>1,178</b>	<b>786</b>	<b>286</b>	<b>193</b>	<b>166</b>	<b>117</b>	<b>45</b>	<b>136</b>	<b>287</b>	<b>112</b>	<b>165</b>	<b>681</b>	<b>4,428</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>														
CURI	452	1,074	552	190	139	245	125	24	190	245	71	137	367	<b>3,811</b>
CURI MOTOKAR	70	655	322	57	17	97	16	1	23	183	54	36	475	<b>2,006</b>
CURI MOTOSIKAL	548	1,884	878	600	300	461	144	75	217	566	180	230	1,488	<b>7,571</b>
CURI VAN/LORI/J'BERAT	31	91	66	32	15	35	6	1	6	30	15	11	141	<b>480</b>
CURI RAGUT	11	1	-	-	1	8	36	-	16	-	-	3	-	<b>76</b>
PRC	218	970	380	28	69	154	53	3	111	129	19	48	416	<b>2,598</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,330</b>	<b>4,675</b>	<b>2,198</b>	<b>907</b>	<b>541</b>	<b>1,000</b>	<b>380</b>	<b>104</b>	<b>563</b>	<b>1,153</b>	<b>339</b>	<b>465</b>	<b>2,887</b>	<b>16,542</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>1,606</b>	<b>5,853</b>	<b>2,984</b>	<b>1,193</b>	<b>734</b>	<b>1,166</b>	<b>497</b>	<b>149</b>	<b>699</b>	<b>1,440</b>	<b>451</b>	<b>630</b>	<b>3,568</b>	<b>20,970</b>

### Mengikut Tarikh Kertas Siasatan Dari 01/01/2012 Hingga 31/12/2012

KESALAHAN	BATU PAHAT	J/BAHRU SELATAN	J/BAHRU UTARA	KLUANG	KOTA TINGGI	KULAIJAYA	LEDANG	MERSING	MUAR	NUSAJAYA	PONTIAN	SEGAMAT	SERI ALAM	Jumlah
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>														
BUNUH	10	19	10	5	4	7	3	-	1	1	3	3	14	<b>80</b>
ROGOL	38	84	49	43	34	20	27	14	28	27	35	29	76	<b>504</b>
SAMUN BERKAWAN BERS/API	1	4	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	<b>6</b>
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	129	586	352	119	68	99	43	16	52	131	27	71	338	<b>2,031</b>
SAMUN BERSENJATAPI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	<b>-</b>
SAMUN TANPA S/API	41	121	71	11	18	6	16	1	8	15	2	9	64	<b>383</b>
MENCEDERAKAN	49	226	136	83	38	21	23	15	37	50	18	35	107	<b>838</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>268</b>	<b>1,040</b>	<b>618</b>	<b>261</b>	<b>163</b>	<b>153</b>	<b>112</b>	<b>46</b>	<b>126</b>	<b>224</b>	<b>85</b>	<b>147</b>	<b>599</b>	<b>3,842</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>														
CURI	325	862	338	203	132	187	81	34	130	160	63	95	300	<b>2,910</b>
CURI MOTOKAR	69	537	302	57	27	116	19	5	21	180	31	26	348	<b>1,738</b>
CURI MOTOSIKAL	523	1,882	1,066	497	284	407	177	49	311	573	194	288	1,480	<b>7,731</b>
CURI VAN/LORI/J'BERAT	14	134	111	34	22	43	-	3	9	58	9	11	142	<b>590</b>
CURI RAGUT	3	-	-	-	-	5	17	-	9	-	2	1	1	<b>38</b>
PRC	227	751	330	62	78	154	47	3	47	97	18	52	353	<b>2,219</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1,161</b>	<b>4,166</b>	<b>2,147</b>	<b>853</b>	<b>543</b>	<b>912</b>	<b>341</b>	<b>94</b>	<b>527</b>	<b>1,068</b>	<b>317</b>	<b>473</b>	<b>2,624</b>	<b>15,226</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>1,429</b>	<b>5,206</b>	<b>2,765</b>	<b>1,114</b>	<b>706</b>	<b>1,065</b>	<b>453</b>	<b>140</b>	<b>653</b>	<b>1,292</b>	<b>402</b>	<b>620</b>	<b>3,223</b>	<b>19,068</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN LIANG TECK MENG**  
**(SIMPANG RENGAM)**  
**TARIKH** : **02.04.2014 (RABU)**  
**NO. SOALAN** : **39**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana hendak memupuk semangat keusahawanan di kalangan generasi muda.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedar akan kepentingan untuk memupuk dan membimbing usahawan di kalangan generasi muda. Sepertimana pepatah “Melentur buluh biar dari rebungunya”, MITI melalui agensi di bawahnya iaitu SME Bank telah melaksanakan program Tanggungjawab Korporatnya, dengan mengambil inisiatif mengadakan satu program khas untuk mempromosikan bidang keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Program Tanggungjawab Korporat yang berbentuk pertandingan ini bertajuk, “Program Inovasi Usahawan Muda” atau dengan izin “*Y-Biz Challenge*”. SME Bank telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelaksanaan program ini dan mendapatkan sokongan bagi menjadikan pertandingan

ini sebagai satu program khas (signature event) bagi SME Bank dan juga KPM.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk dan membimbing pelajar di peringkat sekolah menengah untuk memenuhi kerjaya sebagai usahawan pada masa hadapan dengan menanam minat dan memberikan peluang kepada para pelajar mengembangkan kreativiti ilmu keusahawanan mereka. Melalui program ini juga, para pelajar akan memperoleh pengalaman dan pendedahan dalam bidang keusahawanan seterusnya untuk menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan.

Bagi golongan belia pula, melalui Bajet tahun 2013, SME Bank telah diberi tanggungjawab bagi membantu golongan belia terlibat dalam perniagaan. Untuk itu, Dana Usahawan Muda (Young Entrepreneur Fund-YEF), sebuah dana khas berjumlah RM50 juta diperkenalkan khusus untuk golongan belia yang berumur 18 hingga 30 tahun untuk memulakan perniagaan. Pewujudan dana ini merupakan salah satu strategi berterusan Kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan generasi muda di Malaysia. Di bawah dana ini, SME Bank menawarkan pembiayaan bagi memulakan perniagaan dan juga bagi memenuhi keperluan perniagaan sedia ada. Sejak dana ini dilancarkan pada pertengahan bulan Februari 2013, seramai 228 usahawan muda telah mendapat faedah dengan kelulusan pembiayaan mencecah hampir RM20 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SME Bank sejak penubuhannya pada tahun 2005, telah mula menawarkan program khusus untuk golongan graduan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan iaitu melalui Skim Usahawan Siswazah. Skim ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai siswazah lepasan pusat pengajian tinggi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan menjadikannya usahawan sebagai kerjaya mereka. Skim ini terbuka kepada pemegang Diploma/Ijazah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang telah menamatkan pengajian tidak melebihi 15 tahun dan berumur tidak melebihi 40 tahun semasa permohonan dibuat. Dari tahun 2005 hingga Januari 2014, pembiayaan yang telah diluluskan di bawah Skim ini mencecah hampir RM120 juta dan sebanyak hampir 900 syarikat milik usahawan siswazah telah menerima faedah daripadanya.

Selain itu, SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu *Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn Bhd* (CEDAR) turut menyediakan latihan keusahawanan kepada para graduan iaitu dengan izin "*Young Entrepreneur Program*" (YEP) dan Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS). YEP merupakan latihan keusahawanan untuk membimbing bakal usahawan bagi memulakan perniagaan yang berdaya maju, mempunyai nilai komersil dan berpotensi untuk berjaya. PIUS pula merupakan program keusahawanan yang dilaksanakan bertujuan untuk mempersiapkan para graduan yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan, dengan kemahiran dan pengetahuan yang berguna dalam menjalankan perniagaan secara efektif.

**NO. SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN  
MAIDIN [ SEPANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memajukan kawasan pelancongan Batu Laut bagi menjadikan ia sebagai pusat pelancongan yang indah dan moden dengan kemudahan prasarana yang canggih dan lengkap sesuai dengan Batu Laut menjadi tuan rumah pertandingan perahu layar antarabangsa setiap tahun.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK-10) tiada sebarang peruntukan disediakan bagi menaik taraf kemudahan infrastuktur pelancongan di kawasan Batu Laut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini boleh mempertimbangkan sebarang cadangan bagi menaiktaraf kemudahan infrastruktur pelancongan di kawasan Batu Laut sekiranya bersesuaian.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2013 Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM270,000.00** bagi **menaiktaraf Homestay Batu Laut** dengan membina sebuah dewan terbuka yang dilengkapi dengan tandas awam, surau, pejabat dan tiga (3) buah wakaf. Homestay ini terletak berhampiran dengan lokasi kejohanan perahu layar yang diadakan setiap tahun. Kemudahan ini bukan sahaja digunakan untuk aktiviti homestay malahan turut digunakan semasa kejohanan perahu layar tersebut apabila diadakan.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]  
**TARIKH** : 2 APRIL 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan pertanian padi di negeri Kelantan : keluasan tanah yang ditanam padi, bilangan petani, hasil sehektar dan bantuan subsidi-subsidi yang diagihkan kepada petani-petani. Apakah yang menyebabkan hasil padi semakin menurun dan apakah musuh-musuh perosak yang dikenalpasti mengancam pertanian padi.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

KADA mempunyai keluasan tanah padi berjumlah 29,450 hektar. Petani dalam kawasan KADA menanam padi dengan kekerapan dua kali setahun iaitu pada musim utama dan luar musim dengan mendapat bekalan sumber air daripada Skim Pengairan Kemubu dan Skim Pengairan Pasir Mas/Lemal. Bilangan petani yang berdaftar dan menanam padi adalah seramai 9,500 orang manakala purata hasil padi ialah sebanyak 4.2 metrik tan sehektar pada tahun 2013. Kerajaan memperuntukkan RM2.201 bilion pada tahun 2014 bagi pemberian bantuan di bawah industri padi dan beras negara. Terdapat lima (5) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada petani iaitu Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Subsidi Harga Padi (SSHP), Insentif Peningkatan Hasil (IPPH), manakala Subsidi Harga Beras (ST15%) pula diberikan kepada pengilang padi.

Antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan hasil padi semakin menurun adalah disebabkan oleh masalah tanah jerlus, masalah padi angin dan penggunaan varieti padi yang kurang berkualiti. Selain itu, serangan makhluk perosak seperti tikus, siput gondang emas, kutu beruang, kesing/pianggang, ulat-ulat, dan bena perang/bena hijau turut menyumbang kepada penurunan hasil padi.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[SETIAWANGSA ]  
**TARIKH** : 2 APRIL 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa ] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan adakah pembinaan Pasar Rakyat 1Malaysia bagi penawaran bahan mentah yang lebih murah boleh dipertimbangkan. Idea ini boleh digandingkan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang pernah mencadangkan pelaksanaan Projek Ikan Rakyat 1Malaysia yang meletakkan persatuan-persatuan nelayan sebagai "main players".

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA dan LKIM tiada perancangan untuk membina Pasar Rakyat 1Malaysia. FAMA dan LKIM kini masing-masing sedang memberi tumpuan membangunkan Pasar Tani dan Pasar Nelayan.

**Pasar Tani**

Sebanyak 526 Pasar Tani sedang beroperasi di seluruh negara sehingga Februari 2014. Pada tahun 2014, FAMA melaksanakan Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani dalam usaha membantu Kerajaan menangani kenaikan harga bagi 32 komoditi produk agromakanan terpilih dengan menawarkan penjimatan harga antara 5% hingga 20% di Pasar Tani seluruh Negara.

Pelaksanaan program ini pada dasarnya dapat memberi pilihan kepada para pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan dan berkualiti.

Objektif Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani ini adalah:

- (i) sebagai saluran pasaran pilihan bagi pengguna mendapatkan bekalan keperluan harian ekoran kenaikan kos sara hidup rakyat;
- (ii) menyediakan dan menawarkan harga komoditi barangan terpilih pada harga yang berpatutan dengan penjimatan 5% hingga 20% daripada harga pasaran semasa; dan
- (iii) memberi kesedaran kepada usahawan Pasar Tani supaya turut serta dan menyokong usaha kerajaan dalam membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup.

Mekanisma pelaksanaan program ini melibatkan urus niaga oleh usahawan pasar tani, Pusat Operasi FAMA serta LKIM melalui NEKMAT.

KAEDAH	PELAKSANAAN	HARGA
FAMA Jual Terus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 61 lokasi Pasar Tani dengan kekerapan 66 hari operasi.</li> <li>• Komoditi sayur, buah dan pelbagai tanaman seperti kobis, kelapa dan cili merah.</li> <li>• Jan – Disember 2014</li> </ul>	<u>Sayur, Buah dan Pelbagai Tanaman</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5% – 20% lebih rendah daripada harga pasaran</li> </ul> <u>Ayam</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3% – 5% per kg lebih rendah daripada harga pasaran</li> </ul>
Peserta Pasar Tani Jual	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 526 operasi Pasar Tani</li> <li>• 32 komoditi</li> </ul>	
Peserta Ladang Kontrak/ Agen Jual Terus di Pasar Tani	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalan sayur, buah dan pelbagai tanaman dari Ladang Kontrak</li> <li>• Jualan di lot promosi</li> </ul>	<u>Ikan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5% – 10% per kg lebih rendah daripada harga pasaran</li> </ul>

32 komoditi terlibat adalah seperti berikut:

SAYUR (12 jenis)	BUAH (4 jenis)	TANAMAN PELBAGAI / BARANGAN RUNCIT (6 jenis)	TERNAKAN (1 jenis)	IKAN (9 jenis)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bendi</li> <li>• Cili merah</li> <li>• Cili padi</li> <li>• Halia tua</li> <li>• Kacang panjang</li> <li>• Lobak merah</li> <li>• Kubis bulat</li> <li>• Sawi</li> <li>• Timun</li> <li>• Tomato</li> <li>• Labu manis</li> <li>• Terung panjang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nanas</li> <li>• Pisang</li> <li>• Tembikai</li> <li>• Betik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bawang Besar (India)</li> <li>• Bawang Merah Rose (India)</li> <li>• Kelapa</li> <li>• Kentang</li> <li>• Santan</li> <li>• Telur Ayam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayam Standard</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cencaru</li> <li>• Kembong</li> <li>• Pelaling</li> <li>• Sardin</li> <li>• Selar</li> <li>• Keli</li> <li>• Siakap</li> <li>• Tongkol</li> <li>• Kerisi</li> </ul> <p><b>Jualan oleh peserta Pasar Tani dan NEKMAT</b></p>

### Pasar Nelayan

Pasar Nelayan sedang dibangunkan oleh LKIM di seluruh negara dengan menggalakkan penyertaan nelayan/ keluarga nelayan/ Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Antara produk yang dijual di pasar nelayan adalah ikan basah, siput dan kerang-kerangan, produk proses, ayam dan daging, sayur-sayuran dan buah, makanan dan minuman serta barangan runcit.

Program ini membolehkan nelayan mendapat pulangan harga yang lebih baik melalui pemasaran ikan secara terus kepada pengguna dengan pengurangan penglibatan orang tengah dan membolehkan pengguna mendapat bekalan ikan segar dan berkualiti dengan harga yang berpatutan dengan penjimatan harga antara 2% hingga 8% di Pasar Nelayan seluruh Negara.

Sehingga Disember 2013, sebanyak 48 buah pasar nelayan telah dibangunkan melibatkan 116 orang usahawan dengan nilai jualan adalah sebanyak RM34.2 juta manakala sebanyak 50 buah pasar nelayan lagi akan dibangunkan pada tahun ini melibatkan 300 orang usahawan dengan peruntukan sebanyak RM11 juta. Nilai jualan yang dianggarkan daripada pembangunan pasar nelayan ini adalah berjumlah RM37 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan jumlah rakyat yang membayar cukai dari tahun 2008 ke 2013.

Senaraikan bilangan rakyat dari segi jumlah pendapatan bulanan tidak termasuk bonus, iaitu:

kurang daripada RM3000, RM3001-RM5000, RM5001-RM8000, RM8001-RM10,000 dan

RM10,000 ke atas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan individu dikenakan cukai

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan jumlah rakyat yang membayar cukai dari tahun 2008 ke 2013.

Senaraikan bilangan rakyat dari segi jumlah pendapatan bulanan tidak termasuk bonus, iaitu:

kurang daripada RM3000, RM3001-RM5000, RM5001-RM8000, RM8001-RM10,000 dan

RM10,000 ke atas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan individu dikenakan cukai

<b>RM3,001 hingga RM5,000</b>	794,225	794,021	833,367	920,227	912,770
<b>RM5,001 hingga RM8,000</b>	353,600	371,975	422,275	488,279	510,643
<b>RM8,001 hingga RM10,000</b>	86,684	91,597	104,607	122,754	132,498
<b>Melebihi RM10,000</b>	172,651	184,853	210,777	247,768	255,229

(\*) secara purata

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**  
**TARIKH : 2 APRIL 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah bilangan pemegang Konsesi Lebuh Raya Bertol di negara kita dan bilakah tempoh perjanjian konsesi tersebut tamat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 30 buah lebuhraya yang sedang beroperasi di seluruh negara yang melibatkan 23 syarikat konsesi. Manakala tempoh konsesi lebuhraya ini adalah di antara 30 hingga 60 tahun.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mesyuarat dan tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa khas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk menangani isu-isu yang terbangkit dalam Laporan Audit Negara. Berapa pegawai yang bertanggungjawab dikenakan tindakan atas kelalaian atau penyelewengan, dan apakah tindakan yang telah diambil.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 – LKAN 2012 (Siri 1 dan Siri 2) pada 21 November 2013, Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada 30 pegawai dan 9 bekas pegawai (pesara). Tujuan pengeluaran surat berkenaan ialah bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai mengenai ketidakaturan yang dibangkitkan dalam LKAN 2012.

Bagi 30 orang pegawai yang telah diberikan Surat Tunjuk Sebab, status tindakan terkini adalah seperti berikut:

- (a) 19 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib;
- (b) 2 pegawai telah disyorkan diambil tindakan tatatertib;
- (c) 6 pegawai sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (d) 3 pegawai tidak diambil tindakan tatatertib kerana tidak wujud asas yang kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaiian.

Manakala 9 bekas pegawai awam (pesara) telah memberikan penjelasan dan tiada tindakan lanjut diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana tiada asas yang kukuh bahawa pegawai telah melakukan salah laku dan kecuaiian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.

Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

Sebanyak 17 kertas siasatan berkaitan LKAN 2012 telah dirujuk oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara. Status kertas-kertas siasatan adalah seperti berikut:

- (a) 9 kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang dikenakan terhadap mana-mana pegawai / individu yang dinamakan di dalam kertas siasatan tersebut. Daripada 9 kertas siasatan tersebut, 5 kes dicadangkan untuk tindakan tatatertib;
- (b) 7 kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut; dan

- (c) Bagi satu (1) kertas siasatan, pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]  
TARIKH : 2 APRIL 2014  
SOALAN :**

**YB Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes demam denggi setiap tahun pada tahun 2004 hingga 2013.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari tahun 2004 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>KES KEMATIAN</b>
2004	33,895	102
2005	39,686	107
2006	38,556	92
2007	48,846	98
2008	49,335	112
2009	41,486	88
2010	46,171	134
2011	19,884	36
2012	21,900	25
2013	43,346	92

Bilangan kes denggi yang tertinggi telah dilaporkan pada tahun 2005 iaitu sejumlah 49,335 kes. Bagi kematian denggi, tahun 2010 menunjukkan kematian yang tertinggi iaitu dengan 134 kematian. Pada tahun 2013, sebanyak 43,346 kes telah dilaporkan iaitu peningkatan 21,446 kes (98%) berbanding 21,900 kes pada tahun 2012.

**Tuan Yang Dipertua,**

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah:

1. Melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara;
2. Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan ke atas setiap kes yang dilaporkan;
3. Mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan
4. Meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi.

KKM juga akan terus melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 42 47**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah bentuk-bentuk perubahan yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian melalui Agensinya BERNAMA TV, dalam menaik taraf dan meningkatkan kualiti kandungan berita dan pengisian supaya setaraf dengan CNN, BBC, Al-Jazeera.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan BERNAMA TV berdaya saing dengan saluran berita antarabangsa seperti CNN, Al Jazeera dan BBC, BERNAMA TV akan memberi fokus kepada penerbitan program-program berbentuk forum untuk membincangkan isu-isu semasa seperti "Helo Malaysia", "Jurnal BERNAMA" dan "BizTalk".

Selain itu, penekanan sedang diberikan terhadap keupayaan melaporkan lebih banyak berita terkini secara "*real-time*" iaitu wartawan membuat laporan secara langsung dari lokasi. Usaha ini melibatkan pengambilan dan latihan wartawan baru di samping melengkapkan

## SOALAN NO: 42

BERNAMA TV dengan pelbagai kemudahan untuk membuat liputan secara langsung. Kajian juga dilakukan untuk menyusun semula jadual program sedia ada bagi menjadikan BERNAMA TV menjadi saluran berita terkini yang lebih berdaya saing dan menarik bagi penonton.

Pada masa kini, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA TV sudah berkerjasama dalam membuat liputan beberapa peristiwa penting. Ini merupakan usaha permulaan ke arah kerjasama yang lebih mantap. Ekoran kerjasama ini diharap RTM dan BERNAMA TV akan dapat meningkatkan keupayaan membuat liputan yang lebih menyeluruh dan dapat memenuhi kehendak khalayak.

Berdasarkan perkembangan ini, RTM dan BERNAMA akan meningkatkan sinergi melalui perkongsian berita dan kandungan siaran ke arah mewujudkan saluran berita 24 jam utama negara. Bagi tujuan ini, RTM akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Melayu dan saluran radio berbahasa Inggeris manakala pihak BERNAMA pula akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Inggeris dan memperkemaskan lagi siaran radio 24 jam BERNAMA berbahasa Melayu di bawah Radio 24 yang telah mula dilancarkan pada 3 September 2007.

Selain itu, kementerian juga telah mengenal pasti beberapa stesen penyiaran antarabangsa khususnya di negara jiran yang boleh dijadikan model seperti SCTV / Indosiar, Indonesia. Seterusnya, kementerian juga mencadangkan stesen penyiaran seperti Bernama TV dan RTM mengamalkan konsep atau kaedah penyiaran berita yang sesuai. Sebagai contoh berita Sky News yang lebih bersifat setempat (*community-based news*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 48**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menangani penurunan indeks kebebasan media Malaysia ke tangga 147 daripada 180 negara menurut World Press Freedom Index.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

*World Press Freedom Index* oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak

wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak” sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN  
MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6699**

**SOALAN:**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah langkah Kementerian mewujudkan tabung sampel DNA ini dijangka mampu menjadi mekanisme berkesan dalam rangka membasmi kes pembuangan bayi yang semakin tidak terkawal di samping membantu pihak berkuasa menangani pelbagai kes jenayah berat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Bank Data DNA adalah di bawah Akta Identifikasi DNA 2009. Berdasarkan seksyen 3(3) Akta berkenaan, Bank Data DNA akan menyimpan indeks tempat kejadian jenayah, orang yang disyaki, pesalah yang disabitkan, orang tahanan, penagih dadah, orang hilang, bagi maksud pengenalpastian manusia berhubung dengan penyiasatan forensik. Di bawah seksyen 4 pula menyatakan bahawa objektif Bank Data DNA bertujuan untuk menyimpan dan menyelenggarakan indeks berkenaan.

Berkaitan Bank Data DNA sebagai mekanisme untuk kes pembuangan bayi, ianya hanya boleh dilakukan sekiranya semua sampel warganegara Malaysia disimpan di dalamnya, maka proses padanan (*matching*) profil DNA bayi yang dibuang dapat dilaksanakan dan dapat mengesahkan kedua-dua ibu bapa bayi berkenaan.

Untuk ketika ini *Database* yang ada hanya bertujuan siasatan jenayah sahaja, bagi kes buang bayi boleh dilaksanakan tetapi dalam bilangan yang agak terhad. Pindaan kepada Akta perlu dibuat untuk sampel semua warganegara di simpan dalam Bank Data DNA, barulah ianya boleh menjadi mekanisme yang berkesan dalam kes pembuangan bayi.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' KAMARUL BAHARIN**  
**BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **50**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) projek-projek yang **telah dilaksanakan** dan **dalam perancangan** yang dikendalikan atau dibiayai oleh Malaysia Biotechnology Corporation; dan
- (b) nilai tiap-tiap projek semenjak tiga tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua**

Dasar Bioteknologi Negara (DBN) telah dilancarkan pada tahun 2005 dan merupakan sebuah rangka kerja bagi Kerajaan untuk memanfaatkan faedah-faedah pembangunan bioteknologi dan menentukan hala tuju pembangunan industri bioteknologi negara. Sehubungan dengan itu, *Malaysian Biotechnology Corporation* (BiotechCorp) telah ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan DBN sebagai *one-stop centre* dan merupakan peneraju utama pembangunan industri bioteknologi negara.

Sehingga kini, BiotechCorp telah berjaya membina rangkaian sebanyak 229 buah syarikat berstatus BioNexus dengan pelaburan yang diluluskan hampir RM3.5 billion dalam tiga sub-sektor utama Bioteknologi iaitu Bioperubatan, Biopertanian dan Bioperindustrian.

Projek-projek yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan yang dikendalikan oleh BiotechCorp terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu projek yang dilaksanakan oleh syarikat berstatus BioNexus; projek berimpak tinggi; dan projek di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP).

Sehingga Disember 2013, terdapat 229 buah syarikat bertaraf BioNexus yang mana 125 daripadanya adalah daripada Sektor Bio-Pertanian, 66 daripada Sektor Bio-Perubatan dan 38 daripada Sektor Bio-Perindustrian.

**Antara projek-projek pelaburan utama oleh syarikat berstatus BioNexus yang dikendalikan oleh BiotechCorp merangkumi:**

- a. **Darden Aquasciences Sdn Bhd**, sebuah anak syarikat Darden Restaurants Inc. yang merupakan rantaian restoran terbesar di dunia akan membangunkan Taman Akuakultur Udang Kara Bersepadu di Sabah;
- b. **Verdezyne Inc**, syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat, akan membina fasiliti pengeluaran biokimia di Malaysia. Pelaburan ini membolehkan integrasi dan tambah nilai antara industri minyak sawit dan industri petrokimia;
- c. **GES International** memberi tumpuan kepada pengeluaran “biofeed” dari sisa kelapa sawit; dan

- d. **Sea Party Group**, usahasama antara syarikat Malaysia dan Taiwan bagi melaksanakan projek pengkomersilan akuakultur marin dan air tawar.

**Manakala bagi projek-projek berimpak tinggi yang telah dimudahcarakan oleh BiotechCorp termasuklah:**

- a. Usahasama **CheilJedang** dari Korea Selatan dan **Arkema** dari Perancis untuk membina kilang bio-metionina pertama di dunia dan platform tiokimia di Taman Biopolimer Kertih ("KBP"), Terengganu;
- b. Pelaburan oleh **Biocon** dari India untuk membangunkan pusat penyelidikan dan pengeluaran insulin, ubatan *biosimilar* dan peranti perubatan di Taman Bioteknologi dan Ekosistem Bio-XCell (Bio-XCell), Johor;
- c. **Stelis Biopharma** dari India yang akan menghasilkan produk-produk bioterapeutik di Bio-XCell, Johor;
- d. **Metabolic Explorer** dari Perancis yang akan membina kilang pengeluaran Propandiol berasaskan gliserin di Bio-XCell, Johor; dan
- e. **Glycos Biotechnologies** dari Amerika Syarikat yang akan mengeluarkan produk isoprene dari gliserin di Bio-XCell, Johor.

### **Tuan Yang di-Pertua**

Di bawah **Program Transformasi Bioekonomi (BTP)**, terdapat **10 buah projek permulaan (*Entry Point Projects - EPP*)** di mana **20 buah projek pemacu (*trigger projects*)**, telah dikenal pasti dengan memberi

penumpuan kepada tiga bidang utama iaitu Bio-Pertanian, Bio-Perindustrian dan Bio-Perubatan.

Setakat ini, tiga (3) buah projek pemacu telah diumumkan iaitu:

- i) Projek pengeluaran isobutanol menggunakan gula selulosa daripada biojisim yang diterajui oleh **Gevo Inc**;
- ii) Projek pengeluaran bio-baja melalui loji rawatan sisa bersepadu yang diterajui oleh **Inno Integrasi Sdn Bhd**; dan
- iii) Pengeluaran ekstrak bernilai tinggi dari manggis yang diterajui oleh **Furley Bioextracts Sdn Bhd**.

Merujuk kepada soalan oleh YB Telok Kemang berhubung nilai bagi setiap projek semenjak tiga tahun yang lalu, di bawah kategori Bio-Pertanian, sebanyak RM3.4 bilion jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan sebanyak RM685 juta telah berjaya direalisasikan. Di bawah kategori Bio-Perubatan pula, sebanyak RM3.9 bilion jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan sebanyak RM1.6 bilion telah berjaya direalisasikan. Manakala dibawah kategori Bio-Perindustrian pula sebanyak RM7.5 bilion jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan sebanyak RM1.8 bilion jumlah pelaburan yang telah direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah hutang yang dijamin oleh Kerajaan dan senaraikan 10 syarikat utama mengikut jumlah yang dijamin.

**JAWAPAN**

Tuan yang Dipertua,

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah hutang yang dijamin Kerajaan adalah sebanyak RM157.5 bilion yang terdiri daripada 3 Badan Berkanun dan 27 syarikat. Manakala 10 senarai syarikat utama yang dijamin Kerajaan

adalah:

	Nama syarikat
1.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
2.	Khazanah Nasional Berhad
3.	Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)
4.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
5.	Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
6.	Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS)
7.	Penerbangan Malaysia Berhad (PMB)
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Berhad (FELDA)
9.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.
10.	Tenaga Nasional Berhad (TNB)

**SIDANG DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[BAGAN SERAI]**  
**TARIKH** : **2 APRIL 2014**  
**SOALAN** : **52**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah peranan agensi-agensi seperti Pusat Sains Negara dan Akademi Sains Malaysia dalam usaha mencapai nisbah sains:sastera 60:40 seperti yang diperlukan oleh negara Malaysia dalam misi persiapannya menuju negara maju.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Selaras dengan matlamat mencapai taraf negara maju dalam bidang sains, kerajaan telah menetapkan nisbah pelajar bagi aliran sains kepada sastera adalah 60:40<sup>1</sup>. Pusat Sains Negara dan Akademi Sains Malaysia merupakan 2 buah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang turut menggalas peranan untuk mencapai matlamat 60:40.

---

<sup>1</sup>Laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal : Sastera, Kementerian Pendidikan Malaysia.

PSN dan ASM telah banyak memainkan peranan penting dalam membawa negara untuk mencapai matlamat tersebut. Pusat Sains Negara yang ditubuhkan pada tahun 1986 melaksanakan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan menarik minat masyarakat terhadap sains, teknologi dan inovasi (STI). Bagi Akademi Sains Malaysia pula yang ditubuhkan pada 1995, antara bidang teras perkhidmatannya adalah memupuk budaya kecemerlangan dalam STI dan menggalakkan kesedaran dan pemahaman STI pada orang awam.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal, PSN melaksanakan peranannya melalui konsep pembelajaran di luar bilik darjah melalui pelbagai pendekatan seperti menyediakan bahan pameran sains dan teknologi berkonsep interaktif untuk diterokai orang ramai. Bagi menambahkan lagi pengalaman pembelajaran orang ramai, PSN juga menyediakan program-program dan aktiviti-aktiviti sains mengikut kumpulan sasaran tertentu bermula dari usia seawal 2 tahun hingga ke peringkat dewasa seperti pameran-pameran bertema bertaraf antarabangsa dan pertandingan berasaskan STI. Mulai 1997, PSN juga telah melaksanakan program jangkau-luar (*outreach*) bagi meningkatkan minat dan kesedaran akan kepentingan STI kepada komuniti dan masyarakat luar bandar yang tidak berpeluang datang ke PSN. Program ini direka bentuk khas seolah-olah membawa Pusat Sains Negara dalam skala yang kecil ke masyarakat.

Pihak ASM pula telah menjalankan satu kajian bagi menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berasaskan Pelaksanaan Pendidikan Sains di Sekolah Rendah. Sebuah portal mengenai STI juga telah dibangunkan

oleh ASM pada tahun 2011 iaitu Portal Sciencebuzz.my. Portal ini menggalakkan saintis dan para profesional mempromosikan persefahaman dan penghayatan dalam bidang sains dengan mempersembahkannya didalam bentuk yang mudah diterima dan difahami oleh masyarakat awam.

Selain itu, ASM juga telah melaksanakan beberapa aktiviti pendidikan berkaitan STI seperti pertandingan *National Science Challenge*, karnival sains, pameran dan syarahan awam termasuk Syarahan Awam Nobel Laureate. Semenjak tahun 1999, seramai 25 Pemenang Nobel Laureate telah dijemput untuk menyampaikan syarahan umum kepada masyarakat di Malaysia termasuklah pelajar-pelajar sekolah. Semua aktiviti ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah dan orang awam di samping meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya sains di kalangan rakyat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjanaaan ilmu dan kesejahteraan rakyat.

PSN dan ASM akan terus aktif dalam melaksanakan program-program ini selaras dengan inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan termasuk Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) dan Dekad Inovasi 2010-2020 yang diterajui oleh MOSTI yang memberi penekanan kepada usaha-usaha berterusan bagi membangun, memupuk dan menggilap bakat serta menggalak dan memupuk kesedaran STI

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]**  
**TARIKH : 2.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah kadar maksimum masa untuk seorang guru mengajar di dalam seminggu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan bahawa kadar masa mengajar bagi seseorang guru adalah berdasarkan kepada formula:

Keperluan Guru = Jumlah Waktu Seminggu x Bilangan Kelas x norma  
perjawatan guru dibahagikan dengan jumlah waktu  
kelas seminggu

Dapatan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru Tahun 2007 menunjukkan majoriti guru di sekolah menengah mengajar adalah antara 26 – 30 waktu seminggu. Bilangan waktu seminggu mengajar yang sama juga dilaksanakan di sekolah rendah. Bagi sekolah rendah satu (1) waktu mengajar adalah bersamaan 30 minit. Manakala bagi sekolah menengah pula, satu (1) waktu mengajar bersamaan 45 minit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**PARLIMEN : LEMBAH PANTAI**  
**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**  
**NO. SOALAN : 54**

**YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-**

- a) bilakah edaran laporan impak hasil ke atas GLC dan kepentingan nasional akan diedar di Dewan Rakyat; dan
- b) adakah Kaukus Parlimen berkenaan Perjanjian TPP akan dinaiktaraf kepada Jawatankuasa Pemilih Parlimen berkenaan TPP dan bilakah ratifikasi akan di laksana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Soalan (a) yang ditanyakan mengenai laporan impak hasil ke atas GLC dan kepentingan nasional tidak dinyatakan secara jelas apakah jenis laporan dan kepentingan negara yang dimaksudkan oleh YB Lembah Pantai.

Namun begitu, jika dilihat bersekali dengan soalan (b), adalah diandaikan soalan (a) itu berkaitan dengan laporan Kajian Kepentingan Negara Mengenai Penglibatan Malaysia di dalam Rundingan Trans-Pasifik Partnership yang dilaksanakan oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) dan Kajian Analisis Kos Manfaat TPP ke atas Bumiputera dan SMEs yang dilaksanakan di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Walaupun tajuk kedua-kedua kajian tersebut berbeza tetapi secara amnya kajian yang dijalankan adalah mengenai kepentingan negara dan impak TPP ke atas negara termasuk impak TPP terhadap GLC.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua kajian tersebut (ISIS dan TERAJU) kini berada di peringkat terakhir untuk menyiapkan laporan fasa pertama. Sepertimana yang pernah dimaklumkan sebelum ini, kedua-dua kajian tersebut akan dilaksanakan secara dua fasa. Fasa pertama melaksanakan analisis berlandaskan situasi di mana rundingan teks masih berlangsung, hasil kajian fasa pertama adalah bersifat interim. Manakala fasa kedua hanya akan dilaksanakan apabila teks rundingan dimuktamadkan nanti.

Taklimat mengenai hasil laporan fasa pertama bagi kedua-dua kajian ini akan disampaikan kepada Ahli-Ahli Kaukus TPP di mana Yang Berhormat Lembah Pantai juga merupakan salah seorang daripadanya apabila ianya telah selesai kelak.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai persoalan yang ditanyakan mengenai sama ada Kaukus Parlimen TPP akan dinaiktaraf kepada Jawatankuasa Pemilih Parlimen dan bilakah proses ratifikasi akan dilaksanakan?

Ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kaukus Parlimen TPP yang pertama kali ditubuhkan secara bipartisan untuk isu TPP. Kaukus Parlimen telah melaksanakan peranan dengan baik. Pihak Kementerian juga bekerja rapat dengan ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat sebagai Ahli Kaukus untuk tujuan konsultasi terhadap isu yang berkaitan TPP. Justeru, saya berpendapat tidak ada keperluan untuk menaiktaraf kepada Jawatankuasa Pemilih Parlimen buat masa ini.

Mengenai soalan yang ditanyakan bilakah ratifikasi akan dilaksanakan? Ingin dimaklumkan bahawa proses ratifikasi perjanjian hanya akan dijalankan pertamanya setelah rundingan ditamatkan dan keduanya setelah Perjanjian ditandatangani. Tempoh proses ratifikasi sebelum Perjanjian dilaksanakan juga berbeza bagi setiap negara anggota TPP tertakluk kepada proses domestik masing-masing. Saya tidak merasakan proses ini dapat dijalankan dalam masa yang terdekat kerana rundingan masih dijalankan dan masih banyak isu-isu tertunggak yang belum diselesaikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN  
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 55**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah projek naik taraf Jeti Kargo di Pulau Pangkor boleh dilaksanakan pada tahun 2014 dan projek harus ditawarkan kepada kontraktor tempatan atau dari negeri Perak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan menaik taraf jeti kargo di Pulau Pangkor pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**NO SOALAN : NOMBOR 56**

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) status Majlis Konsultasi Negara dalam merencanakan lagi perpaduan serta keharmonian di kalangan rakyat Malaysia terutamanya bagi mengatasi masalah perkauman yang kerap dimainkan di media massa pada ketika ini; dan
- (a) apakah langkah atau inisiatif yang telah dilakukan oleh MKN bagi mengekalkan kestabilan masyarakat serta membanteras segala bentuk tindakan atau ucapan yang berbentuk perkauman yang ekstremis di Malaysia.

**Tan Sri Yang Di Pertua,**

1. Kerajaan tidak mengetepikan sama sekali pandangan atau pendirian dari mana-mana pihak terutama ketika timbulnya isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perhubungan antara kaum yang boleh menggugat dan mengancam keselamatan negara.

2. Malah kerajaan perlu berhati-hati menangani dan mengurus isu-isu sensitif seperti yang dibangkitkan itu dan telah memilih beberapa pendekatan menyelesaikannya.

3. Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah :

**(b) Melalui perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat**

Pendekatan ini merupakan pendekatan terbaik di mana pihak-pihak yang terlibat akan dijemput bagi mendengar pendapat dan pandangan mereka. Dalam masa yang sama berusaha mencari titik pertemuan tindakan yang boleh dipersetujui bersama. Hakikat mesti diakui bahawa perbalahan yang berlaku terutama menyentuh tentang agama, sememangnya amat rumit untuk diselesaikan kerana setiap penganut agama telah mempunyai kepercayaan dan pegangan kukuh terhadap ajaran agama masing-masing.

**(b) Penyelesaian melalui dialog**

Pendekatan ini boleh diadakan secara tertutup di mana ia perlu mematuhi panduan-panduan dan etika-etika tertentu. Semua pihak perlu mencari dan berbincang untuk kepentingan bersama dan bukan berbincang untuk menegakkan ajaran agama masing-masing kerana setiap agama itu mempunyai ajaran yang sememangnya berbeza dan tidak akan menemui apa-apa titik persamaan.

**(c) Sokongan Pemimpin, Masyarakat dan Media**

Semua pihak perlu menyokong apa jua usaha penyelesaian yang dijalankan sama ada usaha itu dilakukan oleh Kerajaan atau badan-badan lain termasuk pemimpin di pelbagai peringkat dan juga masyarakat. Media pula perlu turut memainkan peranan yang konstruktif dan tidak menyiarkan berita atau pendapat berbentuk

provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan antara kaum dan agama.

Tan Sri Yang Di Pertua,

4. Isu-isu sensitif termasuk isu-isu yang dikaitkan dengan polarisasi yang berbangkit dari masa ke semasa itu boleh diselesaikan jika semua pihak sedar dan faham tentang kemajmukan dan kepelbagaian sosio-budaya yang memang sedia wujud di negara ini.
5. Perbezaan-perbezaan yang ada tidak seharusnya dijadikan penghalang di dalam menyelesaikan isu berbangkit sebaliknya perbezaan itu perlu dilihat dari sudut atau perspektif yang boleh memberi faedah dan menjadi aset negara.
6. Pemimpin-pemimpin politik tanpa mengira aliran pemikiran pula sewajarnya menjadi pemandu dan contoh kepada kumpulan atau kelompok masing-masing dan bukan mengambil kesempatan untuk mendapat sokongan demi mencapai agenda-agenda tertentu.
7. Isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan negara, sewajarnya dijadikan isu yang perlu diselesaikan secara bersama demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan kenapa 1Malaysia Development Berhad ditubuhkan untuk membangun projek-projek berkenaan dengan tenaga (*energy*), hartanah, pelancongan dan perniagaan pertanian. Penubuhan 1MDB bersaing dengan pihak swasta dan kenapa Kerajaan tidak membiarkan pembangunan sedemikian dibangunkan oleh pihak swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan 1MDB

kebanyakannya bersifat strategik dan merupakan aktiviti kerjasama di peringkat Kerajaan ataupun *Government-to-Government*. Objektif kerjasama ini adalah untuk merangsang pelaburan yang lebih besar dalam projek berjangka masa panjang dan berimpak tinggi bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan sosial negara.

Strategi 1MDB bagi mencapai objektif ini adalah melalui pelaburan di dalam:

- i. Projek-projek pembangunan strategik jangka masa panjang; dan
- ii. Projek-projek yang menekankan kemajuan modal insan.

Tun Razak Exchange (TRX), sebuah projek pembangunan hab kewangan antarabangsa di Kuala Lumpur contohnya, akan mengambil masa lebih kurang 15 hingga 20 tahun. Peringkat awal pembangunan ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur pada skala besar dan 1MDB, sebagai pemaju induk yang merupakan 100% milik Kerajaan, akan dapat mengimbangi kehendak masyarakat setempat, keperluan ekonomi negara serta keuntungan syarikat.

Soal *crowding out* tidak timbul kerana pihak swasta akan memainkan peranan yang tidak kurang penting melalui sumbangan tenaga dan kepakaran di dalam setiap peringkat pembangunan TRX, sama ada sebagai kontraktor, perunding mahupun pembekal bahan bangunan.

Dalam sektor tenaga, pemilikan IPP Powertek, Kuala Langat Power Plant dan Jimah Energy Ventures adalah langkah pertama bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan ke arah jaminan tenaga mampan dan mampu diri negara dalam jangka masa yang panjang. Sebagai syarikat hibrid milik Kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta yang dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

Sinergi yang bakal diwujudkan oleh aset-aset di bawah portfolio tenaga 1MDB bakal memberi faedah kepada negara dengan meningkatkan kecekapan penjanaan tenaga dan secara tidak langsung mengurangkan kos pengeluaran tenaga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang dilaporkan kepada SPRM, disiasat, dijatuhkan hukuman dan dibebaskan atau diberikan amaran sahaja mengikut pecahan daerah, tuduhan dan tahun dari 2008 hingga 2013.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan SPRM pada tahun 2009 sehingga kini, SPRM telah menerima 57,938 maklumat. Daripada jumlah itu, SPRM telah membuka 5517 Kertas Siasatan yang mempunyai asas kesalahan rasuah. Sehubungan itu 1459 orang juga telah dituduh di mahkamah.

Manakala bagi kes-kes yang disabitkan, sepanjang tahun 2009, sejumlah 174 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 94 kes telah disabitkan kesalahan, 52 kes telah dilepas dan dibebaskan manakala 5 kes ditarik balik.

Pada tahun 2010 pula, sebanyak 431 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dan sebanyak 309 kes telah disabitkan kesalahan, 14 kes dilepaskan tanpa dibebaskan dan 4 kes ditarik balik.

Pada tahun 2011, sejumlah 520 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 388 kes telah disabitkan kesalahan, 114 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 18 kes dilepas tanpa bebas.

Pada tahun 2012, sebanyak 401 kes telah diselesaikan dan dari jumlah tersebut, 339 kes telah disabitkan kesalahan, 54 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 8 kes dilepas tanpa bebas.

Manakala bagi tahun 2013 sejumlah 315 kes telah selesai di peringkat perbicaraan awal dimana 265 kes telah disabitkan kesalahan, 44 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 6 kes lepas tanpa bebas.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH** : **2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN** : **59**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan status Labuan sebagai hub logistik minyak dan gas yang menjadi pintu masuk peralatan minyak dan gas (*Oil & Gas Tools*) di mana sembilan (9) penerbangan pesawat kargo udara dijadualkan setiap minggu. Adakah pihak Kementerian merancang untuk mendirikan terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan dalam masa terdekat ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian Pengangkutan sememangnya menyedari bahawa terdapat keperluan untuk membina sebuah terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan memandangkan prestasi pengendalian kargo di lapangan terbang tersebut adalah menggalakkan. Contohnya pada tahun 2013, jumlah kargo yang dikendalikan di Lapangan Terbang Labuan ialah sebanyak 9,329 tan metrik. Oleh sebab permintaan terhadap operasi kargo adalah menggalakkan, Kementerian akan mengemukakan permohonan siling peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi bagi tujuan pembinaan sebuah terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan pada *Rolling Plan* yang akan datang.

**SOALAN NO. 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kenaikan bantuan bulanan kepada warga miskin dan golongan kurang upaya daripada RM300 ke RM500 terutama di bandar raya di mana kos sara hidup semakin meningkat.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan bulanan kepada golongan sasaran yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan. Sebagai makluman, falsafah pemberian bantuan kebajikan bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup seseorang. Sebaliknya bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, KPWKM sedang mengkaji semula mekanisme pemberian bantuan yang disalurkan dengan mengambil kira keperluan asas sesebuah keluarga selaras dengan kos sara hidup semasa. Pada masa yang sama,

Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *productive welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan. Antara program yang diperkenalkan ialah program 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,296 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2013. Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan kepada rakyat berpendapatan rendah termasuk penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang produktif agar mereka dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2014**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan 1MDB untuk mempamerkan akaun kewangan tahun 2011, 2012 dan 2013 (jika bersedia) dalam laman web 1MDB dan memastikan taraf pendedahan 1MDB setaraf dengan Khazanah dan KWSP, dan jika tidak, nyatakan sebab mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyata kewangan 1MDB

bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 telah difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), manakala bagi tahun kewangan 2013 pula, 1MDB akan memfailkan akaun yang diaudit mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Maklumat kewangan yang telah difailkan boleh didapati dalam laman web SSM.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI (PANDAN)**

**TARIKH : 02.04.2014 (RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tarikh dalam tahun bila mana seorang yang bernama Wan Muhammad Azri bin Wan Deris (No KP:830121-03-5019) tersebut dibenarkan menaiki kapal selam Scorpene dan apakah tujuan Wan Muhammad Azri bin Wan Deris (No KP:830121-03-5019) tersebut dibenarkan menaiki kapal selam Scorpene tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Wan Muhammad Azri bin Wan Deris (No KP:830121-03-5019) telah menaiki kapal selam Scorpene pada 9 Disember 2011 sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2011.**

**Beliau bersama wakil-wakil media menaiki kapal selam Scorpene tersebut bagi tujuan perkongsian maklumat.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS – PAS ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 63)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada tahun 2013.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) adalah sebuah agensi badan berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang sememangnya bergerak aktif dalam menjalankan fungsinya sebagai pusat penyelidikan nasional dalam mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda.
2. Pada tahun 2013, IYRES telah berjaya menjalankan kajian penyelidikan sebanyak 24 kajian merangkumi aspek Pembangunan Belia, Impak & Keberkesanan Program Belia, Pendapat Awam & Isu Semasa serta mempertimbangkan bantuan geran penyelidikan khusus kajian berkaitan belia.
3. Selain itu, IYRES turut berperanan sebagai "Think Tank" dan jambatan penghubung maklumat dan suara kepada belia melalui Program Intelektual seperti Program Forum Nasional, Persidangan Meja Bulat, Seminar, *Luncheon Talk* dan sebagainya. Skop serta topik yang dibincangkan dalam program intelektual ini dapat mempertajamkan daya fikiran dengan berhujah dengan idea dan fakta yang berkisarkan mengenai pelbagai isu nasional seperti isu ekonomi, isu sosial, jenayah dan sebagainya.
4. Pada tahun 2013, Kementerian Belia dan Sukan telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM2,240,000.00. Manakala sebanyak RM2,234,069 atau 99.74%

## **SULIT**

telah dibelanjakan oleh IYRES bagi melaksanakan kajian-kajian berkaitan dengan pembangunan belia, impak & keberkesanan program belia, pendapat awam & isu semasa serta sosialisasi politik dan bantuan geran. Di samping itu, IYRES juga melaksanakan program sokongan penyelidikan dalam bentuk "outreach" dan menghubungi golongan muda serta meningkatkan kesedaran golongan belia mengenai daya penyelidikan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]**  
**TARIKH** : **2.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah dan jenis jenayah yang telah dilakukan oleh mahasiswa sejak tahun 2010 hingga 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang diterima daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2010 hingga 2013, terdapat 195 kes jenayah yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kes-kes jenayah yang telah dilaporkan meliputi jenayah berat dan jenayah ringan seperti kecurian harta benda, kes seksual dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6588**

**SOALAN:**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah cybercafe di Malaysia yang beroperasi secara haram. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras operasi atau kegiatan cybercafe haram dan apakah hasilnya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan *cyber cafe* di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-**

- i) Memperhebatkan tindakan tegas pembanteras kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
- ii) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**
- iii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

- iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta kerajaan tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.

Pihak PDRM sentiasa memandang serius serta mengambil tindakan terhadap kegiatan perjudian mesin berkomputer yang terdapat di seluruh negara. Statistik serbuan dan rampasan yang telah dilaksanakan oleh pihak PDRM bagi tahun 2013 seperti berikut:-

SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN KOMPUTER
53,595	15,241	90,114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **R. SIVARASA (SUBANG)**

**TARIKH** : **2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN** : **66**

Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian menggunakan *software* FinSpy yang ditawarkan oleh Syarikat Finfisher dari Jerman untuk mengawasi rakyat Malaysia berikutan dengan laporan yang dikeluarkan oleh The Citizen Lab berkenaan dengan penemuan *server* Finfisher di Malaysia dan suatu dokumen turut dihantarkan kepada pengguna emel Malaysia semasa kempen Pilihan Raya Umum ke-13 mengandungi malware FinSpy.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai sebarang bukti yang menunjukkan kewujudan dan penggunaan *server* Finfisher di Malaysia. Ini kerana Kementerian tidak akan menggunakan *software* FinSpy untuk tujuan pengawasan rakyat Malaysia atau rakyat negara-negara lain di dunia kerana tindakan seumpamanya dianggap melanggar undang-undang negara. Malah, Kementerian sentiasa menggalakkan semua pihak, sama ada di pihak kerajaan, swasta atau orang ramai, untuk terus mengamalkan langkah berjaga-jaga bagi memastikan data dan

**SOALAN NO: 66**

maklumat terpelihara daripada ancaman penggadam dengan menggunakan alat-alat pencegahan seperti perisian anti-malware atau anti-virus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**TARIKH : 02.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan motif pihak ATM mendakwa Mejar Zaidi Ahmad kerana mendedahkan isu dakwat tidak kekal dalam PRU-1.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pertuduhan terhadap Mej Zaidi Ahmad TUDM adalah di atas kesalahan tidak mematuhi perintah-perintah tetap dan melanggar Akta Angkatan Tentera 1972.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]**

**TARIKH : 2 April 2014 (Rabu)**

**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan Program Transformasi Ekonomi atau ETP dalam mewujudkan golongan pekerja bergaji tinggi serta menaikkan pendapatan rakyat dan negara.

**JAWAPAN:**

Program Transformasi Ekonomi (ETP) bertujuan untuk memacu ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi, merancakkan pelaburan swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, serta mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi. Sejak permulaan ETP pada tahun 2011 sehingga 2013, sebanyak 196 projek telah diumumkan. Projek-projek ini dianggarkan mempunyai nilai PNK (GNI) sebanyak **RM143.5 bilion** pada tahun 2020, serta jumlah pelaburan sebanyak **RM219.3 bilion**. Peluang pekerjaan sebanyak **437,816** sehingga tahun 2020 telah juga diwujudkan sehingga kini. PNK per kapita semakin meningkat daripada USD7,059 pada tahun 2009 kepada **USD10,060** pada tahun 2013, iaitu pertumbuhan **42.52** peratus dalam tempoh tersebut. Berdasarkan unjuran pertumbuhan ini, dan sekiranya tidak berlaku gangguan di luar jangka, kita dapat melaporkan bahawa Malaysia bukan hanya akan mencapai sasaran status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, malah kita mungkin boleh mencapai matlamat ini lebih awal daripada yang dirancang. Sekian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN : 69

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang diambil selepas Malaysia jatuh sebanyak 23 anak tangga dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2013 ke tangga 145 dari 179 negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

*World Press Freedom Index* oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak”

sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENAJ  
**TARIKH** : 2 APRIL 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Dato' Haji Mahfuz bin Omar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa harga lantai padi tidak dapat dinaikkan dari RM750 per metrik tan kepada RM1200 per metrik tan.

**JAWAPAN OLEH** : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**Tuan Yang Dipertua,**

Kali terakhir harga lantai padi dinaikkan adalah pada tahun 2008 iaitu daripada RM650 per metrik tan kepada RM750 per metrik tan. Kenaikan ini adalah sebagai respon kepada krisis harga makanan dunia yang berlaku pada tahun 2008. Penetapan harga lantai ini adalah bagi memastikan petani mendapat harga padi yang berpatutan dan sebagai tanda aras kepada pengilang untuk membeli padi pada harga yang tidak kurang daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Harga lantai padi merupakan asas dalam penetapan harga beras dalam pasaran. Harga lantai padi yang tinggi boleh mengganggu kestabilan harga pasaran beras tempatan yang akhirnya akan membebankan pengguna. Harga pasaran beras tempatan yang tinggi juga akan menggalakkan aktiviti penyeludupan beras ke dalam negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]**  
**TARIKH : 2.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memberikan kuasa otonomi kepada IPTA - IPTA di Malaysia memandangkan Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin Shah, pun menitahkan bahawa kecemerlangan sesebuah IPT bergantung kepada dua pendekatan utama yang diamalkan iaitu menghargai otonomi intelek dan memiliki kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan semua 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk menjalani Audit Kesediaan Autonomi menjelang tahun 2015. Proses pemberian status autonomi ini telah bermula pada tahun 2012 secara berperingkat.

Pada masa ini, terdapat tujuh (7) buah IPTA yang telah diberi status autonomi, iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Kesemua uniniversiti ini telah diaudit oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi menilai tahap kesediaan mereka untuk memulakan projek rintis ini dan telah

diberikan status autonomi pada tahun 2012. Hal ini diikuti dengan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2013.

Pengauditan adalah bersandar kepada Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik *Code of University Good Governance (CUGG)* yang menggunakan indeks penilaian, iaitu *University Good Governance Index (UGGI)* sebagai instrumen penilaian. Empat (4) komponen utama yang diaudit ialah aspek governan ataupun tadbir urus dalam aspek institusi, kewangan dan penjanaaan kekayaan, sumber manusia serta akademik dan kemasukan pelajar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Petronas di Kanada dan apakah kerugian yang ditanggung oleh Petronas sekiranya ada.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pacific Northwest LNG yang dipelopori oleh PETRONAS di Kanada sedang berjalan lancar dan ia adalah di antara projek Gas Asli Cecair (LNG) yang paling ke hadapan di Kanada. Melalui projek ini, PETRONAS bercadang membina dua loji LNG dengan kapasiti 6 juta tan setahun dengan potensi penambahan loji ke tiga juga dengan 6 juta tan setahun. Projek ini dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2018. LNG yang diproses akan dieksport dan dijual pada harga pasaran yang lebih tinggi di Asia.

Pada Disember 2013, projek ini telah mendapat kelulusan lesen eksport LNG daripada National Energy Board (NEB) Kanada untuk tempoh pengeksportan selama 25 tahun. Projek ini sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi Kajian Impak Alam Sekitar. Tiga konsortium dari kontraktor-kontraktor antarabangsa sedang bertanding dan menjalankan kerja-kerja rekabentuk dan kejuruteraan awal bagi projek ini dan dijangka menghantar bidaan masing-masing pada suku ke-3 tahun ini.

Kerja-kerja penggerudian dan pentarafan rizab gas pada tahun 2013 sangat memberangsangkan. Berdasarkan laporan penilai rizab berkecuali, rizab 2P PETRONAS di Kanada telah meningkat ke 8.35 TCF iaitu peningkatan 211% hanya dalam masa setahun selepas PETRONAS membeli syarikat Progress Energy.

PETRONAS juga telah berjaya membawa masuk tiga pelabur ke dalam projek ini iaitu Japex Petroleum Exploration Co. Ltd., PetroleumBRUNEI dan Indian Oil Corporation Ltd. dengan jumlah peratusan pelaburan masing-masing 10%, 3% dan 10%. Beberapa syarikat gergasi di Asia juga sedang dalam proses akhir rundingan perjanjian dan dijangka memeterai perjanjian pelaburan pada tahun ini. Rundingan pelaburan dengan syarikat-syarikat tersebut adalah atas dasar komersil dan menunjukkan potensi besar dan nilai tinggi pelaburan PETRONAS di Kanada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6590**

**SOALAN:**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada program pemutihan bagi pekerja asing akan dihidupkan semula memandangkan keperluan di pasaran khususnya dari sektor perkhidmatan pertanian dan sektor pembinaan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Program 6P telah tamat sepenuhnya pada 30 November 2012. Malahan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) yang dilaksanakan untuk membantu majikan yang ditipu oleh agen atau orang tengah semasa Program 6P juga telah tamat pada 20 Januari 2014.**

**Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan program-program tersebut kerana Kerajaan telah memberikan tempoh masa yang mencukupi kepada majikan untuk mendapatkan kebenaran bekerja bagi PATI mereka. Sekiranya Kerajaan meneruskan program-program tersebut dikhuatiri bertentangan dengan dasar dan prosedur sedia ada bagi pengambilan pekerja asing di Malaysia. Malahan, kemasukan warga asing ke Malaysia secara tidak teratur akan berterusan dan usaha Kerajaan untuk menangani isu PATI ini akan terjejas.**

**Sehubungan itu, Kerajaan juga amat tegas dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui Ops 6P Bersepadu bagi mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang gagal mendapatkan kebenaran bekerja dan masih berada dalam negara. Kerajaan akan memastikan bahawa tahun ini adalah merupakan tahun penguatkuasaan untuk menangani PATI yang masih berada dalam negara.**

Berhubung keperluan pekerja asing di sektor perkhidmatan, pertanian dan pembinaan, pelaksanaan program-program tersebut adalah merupakan program *one-off* bagi memenuhi keperluan sementara guna tenaga tambahan di sektor-sektor berkenaan. Hasil daripada program-program tersebut seramai 122,321 PATI di sektor perkhidmatan, 34,525 PATI di sektor pertanian dan 198,620 PATI di sektor pembinaan telah berjaya diberikan kebenaran bekerja.

Malahan, sektor-sektor berkenaan juga adalah merupakan sektor-sektor yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing. Sehubungan ini, sebarang keperluan untuk mendapatkan pekerja asing di sektor-sektor berkenaan boleh dikemukakan di Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre –OSC*), Kementerian Dalam Negeri seperti mana dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing sedia ada. Selain itu, tempoh penggajian bagi permohonan pengambilan pekerja asing baru adalah selama 10 tahun berbanding dengan tempoh penggajian di bawah Program 6P dan PKPP iaitu 3 tahun bagi sektor yang dibenarkan dan 2 tahun bagi sektor beku dan sektor luar dasar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 APRIL 2014 ( RABU )

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[ SIK ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan dan kriteria di pihak Kementerian untuk mengenal pasti potensi bandar-bandar baru yang boleh diwujudkan di kawasan luar bandar di negeri-negeri yang dikenal pasti untuk mengimbangi kepadatan penduduk serta perkembangan ekonomi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aliran penghijrahan keluar penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar telah menyebabkan kemerosotan penduduk luar bandar seluruh negara dari 28.3% pada tahun 2011 kepada 26.9% pada tahun 2013 (Jabatan Perangkaan Negara).

Mengikut Rancangan Fizikal Negara 2, 2010 pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa adalah perlu agar masyarakat luar bandar boleh menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik. Justeru mampu menghindar penghijrahan keluar penduduk khususnya kaum belia.

Secara amnya konsep Pusat Pertumbuhan Desa ini melibatkan pemusatan aktiviti ekonomi dan kemudahan masyarakat di satu petempatan bagi memberi perkhidmatan kepada kampung-kampung rangkaian di dalam

kawasan tadahannya bagi mewujudkan kesan ekonomi skala (*economies of scale*) bagi meggerakkan kegiatan ekonomi seterusnya.

Kriteria utama di dalam pemilihan Pusat Pertumbuhan Desa adalah seperti berikut:

- (1) Bilangan penduduk yang ramai (melebihi 2,500) bagi menampung kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang bakal wujud
- (2) Petempatan yang mempunyai potensi pembangunan ekonomi bagi menjana peluang-peluang pekerjaan. Potensi-potensi pembangunan ini adalah dalam bentuk antara lain:
  - (i) Wujudnya sumberjaya yang membolehkan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti aktiviti pelancongan dan lain-lain
  - (ii) Mempunyai sistem pengangkutan yang berkesan bagi menghubungkan aktiviti ekonomi hiliran yang bakal wujud di

Pusat Pertumbuhan Desa dengan pusat pekerjaan dan pusat pasar di bandar-bandar

(iii) Wujudnya tenaga kerja mencukupi dengan kepakaran-kepakaran yang berkaitan

- (3) Lokasi petempatan yang agak berpusat supaya mudah dapat diakses oleh kampung-kampung rangkaian
- (4) Petempatan yang mampu menampung tambahan infrastruktur dan kemudahan kemasyarakatan
- (5) Mempunyai komuniti yang proaktif, bermuafakat serta ingin terlibat sama di dalam memikul tanggungjawab pembangunan ekonomi dan sosial setempat.

Pusat Pertumbuhan Desa boleh dikenal pasti pada Rancangan Tempatan. Kajian Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara yang sedang dilaksanakan

oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia akan memperinci dan memperkukuhkan lagi konsep pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dengan mengambilkira perkembangan-perkembangan semasa khusus Dasar Transformasi Kerajaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : RABU, 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : L10 [PR-1321-L59668]**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian perbelanjaan RM57.9 juta yang telah diperuntukkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memperbaiki sistem trafik di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, perincian perbelanjaan sebanyak RM57.9juta yang telah diperuntukkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memperbaiki sistem trafik di Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut :-

BIL	PERKARA	2013 PERUNTUKAN (RM)	2014 ANGGARAN (RM)
1	Lampu isyarat lalulintas penyelenggaraan bayaran sewa tahunan kabel Telco.	10,500,000	4,000,000
2	Penyewaan peralatan <b>Sistem Maklumat Trafik Bersepadu</b> iaitu :-  a) Sewaan 86 unit CCTV menggunakan infra baru dengan kadar RM2316.09 sebulan ialah RM23,939,841.88 setahun.  b) Sewaan 149 unit CCTV dengan infra sedia ada	32,000,000	32,000,000

BIL	PERKARA	2013 PERUNTUKAN (RM)	2014 ANGGARAN (RM)
	<p>dengan kadar RM502.79 sebulan RM844,687.20 setahun.</p> <p>c) Sewaan 140 unit <i>Variable Message Sign</i> dengan kadar RM2049.60 sebulan ialah RM3,443,328.00 setahun.</p> <p>d) Server dan perisian Information Management System RM2,000,000;</p> <p>e) Latihan RM150,000;</p> <p>f) <i>Provisional</i> <i>Sum</i> RM1,500,000; dan</p> <p><b>Jumlah Keseluruhan = RM31,867,857.08</b></p>		

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>2013 PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>2014 ANGGARAN (RM)</b>
3	Penyewaan tapak/selenggara CCTV.	2,000,000	6,500,000
4	Penyelenggaraan bonggol dan skim-skim mengurangkan kelajuan kenderaan di WPKL.	4,500,000	4,000,000
5	Kerja-kerja penyelenggaraan papan tanda lalulintas, <i>flexible pole, bollard</i> di sekitar KL.	3,000,000	3,000,000
6	Kerja-kerja operasi pengurusan lalulintas di sekitar Kuala Lumpur.	1,400,000	1,400,000
7	Memperbaiki persimpangan jalan dan lokasi merbahaya di Kuala Lumpur.	500,000	500,000
8	Pemasangan peralatan keselamatan jalan raya di lokasi kemalangan merbahaya.	2,500,000	2,500,000
9	Penyelenggaraan pagar keselamatan jalan raya.	2,000,000	1,500,000
10	Penyelenggaraan peralatan luar Sistem Maklumat Trafik Bersepadu.	500,000	500,000

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>2013 PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>2014 ANGGARAN (RM)</b>
11	Bil elektrik pengangkutan bandar (lampu isyarat, siarkaki berbumbung, jejantas, hentian bas/teksi, terminal bas, hab dan <i>park &amp; ride</i> )	2,000,000	2,000,000